

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

**PENYATA RASMI (HANSARD)
MESYUARAT KEDUA
DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21**

[DRAF AWAL]

**HARI SABTU
15 SAFAR 1447
BERSAMAAN 9 OGOS 2025
(HARI KELIMA)**

DEWAN MAJLIS

Hari Sabtu, 15 Safar 1447 / 9 Ogos 2025

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., S.N.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam. (Tidak hadir atas urusan rasmi).

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. (Tidak hadir atas urusan rasmi).

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya

Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, D.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Awang Mohammad Faiq bin Haji Mohd Yassin, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari kelima, pada hari ini Sabtu, 15 Safar 1447 bersamaan 9 Ogos 2025 dan didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

(Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murat, Imam Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan izin-Nya jua, maka kita dapat bersama-sama berkumpul lagi pada pagi ini untuk bersidang bagi hari kelima dalam Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita akan memulakan mesyuarat dengan urusan seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Waktu Pertanyaan bagi Jawab Lisan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita akan memulakan hari ini mesyuarat ini dengan pertanyaan. Di hadapan kita masih terdapat beberapa pertanyaan yang telah pun dikemukakan.

Maka, saya mulakan dengan soalan pertama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih jua atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkenaan dengan meneroka kerjasama dengan negara

jiran, Sarawak dan Sabah, dengan industri agromakanan.

Alhamdulillah, berkenaan dengan soalan tersebut, mesyuarat dan kerjasama dua hala di antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan pihak Sabah dan Sarawak telah dijalankan secara aktif mulai tahun 2023.

Bagi meningkatkan kerjasama dan mengukuhkan pembangunan industri makanan, teknologi benih, pemprosesan makanan, perdagangan antara Brunei dengan juga Sabah dan Sarawak. Usaha ini telah membuahkan hasil yang mana produk agrimakanan dan makanan laut berproses telah mula dieksport ke Sabah dan Sarawak dengan nilai eksport sebanyak 3.34 juta dari 2023 hingga 2024. Pada tahun 2024, Brunei Darussalam telah berjaya mengeksport produk-produk makanan yang berasaskan daging ke Sarawak dan Sabah pada julung kalinya. Ini adalah satu pencapaian yang menggalakkan terutama sekali bagi industri agrimakanan di negara ini.

Pihak kementerian dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga sedang menerokai peluang-peluang kerjasama dan pelaburan dalam penanaman padi dan juga industri ternakan secara komersial bagi mengukuhkan lagi jaminan makanan negara. Usaha-usaha ini juga sedang difokuskan untuk melihat peluang-peluang kerjasama seperti *contract farming* dengan pengusaha-pengusaha dan peladang-peladang di rantau BIMP-

EAGA terutama sekali Sabah dan Sarawak.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menubuhkan *agri-food task force* dalam usaha ke arah meningkatkan serta memantapkan kebolehpasaran produk-produk *agrifood* perikanan bukan sahaja di pasaran tempatan malah juga pasaran luar negeri.

Antara keutamaan pasaran yang disasarkan ialah pasaran Sabah dan juga Sarawak. Sehubungan dengan ini, kementerian ini juga telah menyertai ekspo agrimakanan dan juga *business-to-business networking session* di Sabah dan juga Sarawak bagi tujuan untuk mempromosikan produk-produk agrimakanan negara ini.

Selain daripada itu, seperti yang kaola jelaskan pada hari Khamis lepas, kementerian ini juga dengan kerjasama Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam di Sabah dan Sarawak sedang mempromosikan industri pelancongan berasaskan budaya kopi melalui *Brunei Coffee Trail Campaign* di Miri, Sarawak dan juga Kota Kinabalu, Sabah. Itulah sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua jawapan bagi soalan yang telah diajukan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Soalan yang kedua, iaitu daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin yang juga ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-

Sumber Utama dan Pelancongan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih jua soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin berkenaan langkah-langkah bagi memperkenalkan pendapatan agripelancongan di negara ini. Terlebih dahulu peramba, kaola ingin mengucapkan terima kasih atas soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa tersebut.

Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengenal pasti beberapa tapak di bawah kawalan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk dibangunkan sebagai destinasi aktiviti agripelancongan. Bagi memastikan kejayaan inisiatif ini langkah awal adalah untuk menyediakan para pengusaha ladang agar produk mereka bersedia bagi tujuan agripelancongan.

Sehubungan itu, beberapa latihan pembangunan kapasiti telah diberikan termasuk penambahbaikan produk dan mempromosi pakej agripelancongan kepada pelancong serta pihak berkepentingan. Bayaran yang telah diterima daripada aktiviti pelancongan ini akan menjadi sumber pendapatan sampingan kepada pengusaha ladang. Walau bagaimanapun, waktu operasi aktiviti pelancongan akan dikawalselia supaya tidak menjejaskan rutin harian

dan operasi utama ladang dan kekal berfokus kepada pengeluaran hasil pertanian.

Antara perkhidmatan pelancongan yang ditawarkan di beberapa ladang yang telah dikenal pasti di negara ini bagi aktiviti agripelancongan adalah program melawat ladang, *farm tour*, aktiviti memetik buah-buahan dan sayur-sayuran, *fruit and vegetables picking* serta aktiviti lain yang memberikan pengalaman kehidupan di ladang. Ladang-ladang yang masa kini aktif dalam agripelancongan termasuklah Mori Farm di Sinaut, IAM Food di Tungku, Labulicious di Lamunin, MPK Katimahar di Daerah Brunei-Muara, *Ecoponies* di Daerah Tutong dan Ladang Kopi Tropikal Utama di Labi.

Dari segi promosi, laman web dan media sosial rasmi pelancongan telah memaparkan tapak-tapak agri pelancongan ini dengan kandungan visual dan testimoni pelawat-pelawat. Beberapa lawatan pengenalan, *farm trip* bersama agensi pelancongan, *influencer* ataupun pempengaruh dan media telah dijalankan. Di samping itu, pakej pelancongan yang melibatkan lawatan ladang telah dirangka bersama agensi pelancongan tempatan dengan kerjasama hotel, penyedia pengangkutan dan institut pendidikan bagi menyokong program lawatan sambil belajar. Walau bagaimanapun, walaupun agripelancongan ini digalakkan tapi peningkatan pengeluaran hasil ladang pertanian masih lagi menjadi keutamaan

bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua jawapan abiskaola berkenaan dengan soalan yang ditujukan tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang ketiga, iaitu dari Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk menjawab soalan nombor tiga dan nombor empat sekali gus Yang Berhormat Yang Di-Pertua memandangkan ada berkaitan di antara satu sama lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
(Mengangguk kepala tanda setuju)

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Persoalan mengenai dengan Penduduk Tetap dan permohonan Taraf Kerakyatan ini pernah kaola bentangkan dalam Usul Perbahasan pada 6 Ogos yang lalu, walau bagaimanapun kaola akan

mengongsikan sekali lagi di Dewan yang mulia ini. Jumlah permohonan bagi mendapatkan Taraf Kerakyatan Negara Brunei Darussalam dari tahun 2010 sehingga 2 Julai 2025 adalah sebanyak 12,200 daripada 17,068 permohonan diterima. Salah satu inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dalam usaha untuk mempercepatkan proses permohonan kerakyatan adalah dengan melaksanakan iaitu lantikan semula Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Bahasa Melayu sejak 1 September 2022. Alhamdulillah, sejak pelantikan berkenaan sebanyak empat kali ujian bertulis Bahasa Melayu melibatkan seramai 2835 calon dan empat sesi ujian lisan Bahasa Melayu bagi seramai 346 orang calon dari tahun 2023 sehingga Julai 2025 telah dilaksanakan.

Sukacita juga diperjelaskan bahawa proses bagi permohonan Taraf Kerakyatan adalah telus dimana syarat-syarat permohonan boleh didapati di dalam senarai semak permohonan yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Proses permohonan dan pengurniaan taraf negara ini berpegang kepada prinsip keadilan tanpa diskriminasi berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah di gariskan di dalam Akta Taraf Kebangsaan Brunei Penggal 15 tanpa memilih latar belakang, umur, agama mahupun bangsa. Ini termasuklah setiap pemohon hendaklah menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan

sebelum permohonan mereka diakui dan diterima untuk diproses.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat Awang Lau How Tech berkenaan dengan strategi kementerian dalam mempercepatkan pemprosesan permohonan bagi Penduduk Tetap dan melicinkan laluan kewarganegaraan tanpa melibatkan keperluan keselamatan negara dan integrasi sosial, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah melaksanakan inisiatif dengan mengemas kini garis panduan dan syarat-syarat kelayakan bagi kategori-kategori permohonan untuk mendapatkan taraf Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam mulai pada 31 Disember 2024.

Ini termasuk memasukkan semula kategori-kategori permohonan yang sebelum ini telah dikeluarkan pada tahun 2017 di samping memperkemaskinikan syarat-syarat dengan antaranya memendekkan tempoh-tempoh persyaratan bagi tempoh perkahwinan daripada mencapai 20 tahun kepada mencapai 10 tahun bagi kategori suami berstatus *stateless* Brunei kepada isteri bertaraf Negara Brunei Darussalam dan kategori suami berstatus *stateless* Brunei kepada isteri bertaraf Penduduk Tetap *stateless* Brunei Darussalam.

Selain itu, pengemaskinian syarat adalah juga dengan meniadakan had umur dan syarat bagi ibu bapa angkat yang mempunyai anak kandung atau anak

angkat jantina yang sama dalam syarat permohonan bagi anak-anak angkat.

Pengemaskinian ini bertujuan untuk memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan berdasarkan kelayakan di samping memeduli kesejahteraan, kebajikan dan kemaslahatan pemohon-pemohon. Setentunya dengan pengemaskinian syarat-syarat ini dapat mempercepatkan lagi permohonan bagi kerakyatan mengikut tempoh memegang taraf Penduduk Tetap yang ditetapkan bagi syarat kerakyatan permohonan kerakyatan. Alhamdulillah, sejak tahun 2020 sehingga Julai 2025, sebanyak 1,454 permohonan bagi mendapatkan taraf penduduk tetap bagi mereka yang berstatus *stateless* dan berwarganegara asing telah dikurniakan taraf penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

Sekian yang dapat kaola sampaikan pada menjawab soalan-soalan yang berkenaan, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Soalan yang kelima iaitu daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Behormat Menteri Pembangunan: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim atas soalan apakah perkembangan terkini mengenai pembentukan dasar LBD bagi melahirkan usahawan berjaya dan berdaya saing.

Bagi menjawab persoalan ini, selaras dengan matlamat strategik 3 di dalam Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2024-2029 dan *Local Business Development*, LBD Circular bernombor 01/2019, satu inisiatif iaitu *Contractor Development Program*, CDP telah dilaksanakan bagi mendokong salah satu dari tiga elemen LBD iaitu mendokong penyertaan pemilik syarikat tempatan. Program ini menyediakan kursus dan taklimat yang berkaitan dengan industri pembinaan bertujuan memperkasa dan meningkatkan kapasiti kontraktor tempatan, khususnya syarikat milik 100% anak tempatan.

Program ini disusun dalam dua sesi dan melibatkan 30 orang peserta setiap sesi. Para peserta telah mengikuti latihan yang dikendalikan oleh konsultan latihan tempatan yang dilantik yang memberikan kursus dan taklimat yang merangkumi *module-module* teknikal, *module* pengurusan, *module* keusahawanan oleh dua orang pakar pengurusan projek dari luar negara.

Sesi pertama telah diadakan dari 2 hingga 12 Jun 2025, sesi kedua diikuti dengan taklimat pada 1 dan 2 Julai 2025 yang disampaikan oleh agensi-agensi

tempatan seperti Jabatan Buruh, Biro Mencegah Rasuah, ROCBN, ABCi dan juga Syarikat Tabung Amanah Pekerja. Kandungan *module* kursus yang disampaikan oleh 2 pakar pengurusan projek dari luar negara ini meliputi tiga komponen utama iaitu Pertama, penguasaan terhadap pelan dan keupayaan membuat anggaran kos pembinaan secara tepat dan berstruktur. Kedua, ialah penerapan asas keusahawanan serta amalan pengurusan kewangan yang sistematik. Ketiga, ialah kemahiran dalam pengurusan projek termasuk kefahaman terhadap terma dan syarat kontrak pembinaan.

Berdasarkan penilaian prestasi sebelum dan selepas latihan, peningkatan kecekapan peserta dalam *module-module* utama cukup memberangsangkan. Kita sememangnya mengharapkan keberkesanan program ini sebagai platform pembangunan kapasiti. Antara peningkatan yang direkodkan ialah Pertama, *module* Pemahaman Pelan dan Anggaran Kerja: meningkat daripada 52 peratus kepada 68 peratus. Kedua, *Module* Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan: meningkat daripada 40 peratus kepada 84 peratus. *Ketiga*, ialah Pengurusan Projek dan Pemahaman Kontrak: meningkat daripada 59 peratus kepada 74 peratus.

Di samping itu, sebanyak 84 peratuspeserta memberikan maklum balas positif, menyatakan bahawa program ini telah meningkatkan tahap kefahaman teknikal mereka, lebih

keyakinan dalam pengurusan projek serta kesediaan mereka untuk menyertai dan bersaing dalam tender tawaran pembinaan kerajaan. Sesi kedua bagi *Contractor Development Program*, CDP ini akan diteruskan bulan September ini di mana akan melibatkan latihan teknikal seperti memahami penyediaan dokumen tawaran dan tanggungjawab sebagai penyelarass keselamatan dalam meningkatkan keperluan pematuhan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Insyallah, Kementerian Pembangunan juga menilai penambahbaikan inisiatif ini dari masa ke semasa dan meluaskan skop latihan serta penyertaan. Keseluruhan inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuhkan kapasiti dan daya saing kontraktor tempatan dalam mempersiapkan mereka dalam industri pembinaan yang semakin kompetitif dengan keperluan industri masa kini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim tadi, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan seterusnya iaitu yang keenam daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, (*doa dibaca*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah, terima kasih atas pertanyaan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof berhubung isu kekurangan katil di hospital RIPAS.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Kementerian Kesihatan sangat peka terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi. Hospital RIPAS berperanan sebagai hospital rujukan utama negara di peringkat *tertiary* bagi seluruh penduduk di Negara Brunei Darussalam semenjak tahun 1984 lagi. Bagi terus memastikan hospital dapat menampung keperluan semasa dan masa hadapan, Kementerian telah mengenal pasti dan sedang melaksanakan beberapa pelan tindakan yang bersifat *entry*.

Langkah-langkah yang dikenalpasti termasuk Pertama, pemantapan proses *discharge* pesakit. Proses *discharge* pesakit telah dikemaskini untuk memastikan proses aliran pesakit yang lebih cekap dan mengurangkan tekanan keatas kadar pengisian katil. Antara cabaran tersebut ialah pengurusan pesakit yang tidak dapat di-*discharge* disebabkan hal-hal bukan perubahan

seperti keluarga pesakit belum bersedia untuk membawa pesakit balik.

Kedua, pemindahan *long stayers*. Pesakit yang sudah boleh *discharge* tetapi masih mendiami katil dikategorikan sebagai *long stayers* akan dipindahkan ke bangunan *National Isolation Centre Extension*, NICE bagi mengosongkan katil untuk kes-kes baharu. Pusat ini sedang diubahsuai untuk menampung dan menepati keperluan *long stayers*. Dalam beberapa kes, pesakit dianggap sebagai terabai atau ditinggalkan dan memerlukan campur tangan sosial serta penyelerasan dengan agensi-agensi kebajikan. Di samping itu, sebagai langkah jangka pendek sementara menunggu siapnya bangunan tambahan hospital *RIPAS* dibawah RKN12, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan strategi *decanting* pesakit *long stayers*. Tujuan utama langkah ini ialah untuk mengosongkan katil dan menambah kapasiti katil khususnya untuk pesakit *acute* yang memerlukan rawatan segera dan intensif. Pesakit-pesakit tersebut akan dipindahkan secara berperingkat ke fasiliti kesihatan lain yang bersesuaian seperti Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah tanpa menjejaskan perkhidmatan hospital tersebut; dan

Ketiga, mengemaskini Pelan Induk Sistem Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam. Berdasarkan pelan yang terdahulu, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan kajian semula terhadap pelan tersebut agar ia lebih

responsif dan relevan dengan keperluan semasa. Ini termasuk penambahbaikan kemudahan sedia ada dan pelaksanaan langkah-langkah *interim* bagi meningkatkan kecekapan penggunaan fasiliti kesihatan khususnya di hospital RIPAS.

Antara inisiatif dari Kementerian Kesihatan dalam hal ini termasuk seperti yang disebutkan sebelum ini iaitu pengukuhan infrastruktur dan pembangunan fasiliti yang termasuk pembinaan blok hospital baharu dengan kapasiti 500 katil yang melibatkan peruntukan sebanyak \$120 juta di bawah RKN12. Sebagai langkah strategik agar penggunaan ruang Hospital RIPAS tahap optimum, kementerian juga sedang merancang bagi pemindahan perkhidmatan *ophthalmology* ke lokasi lain yang lebih sesuai. Ini bertujuan bagi mengurangkan kesesakan dan membolehkan ruang sedia ada bagi perkhidmatan yang lebih kritikal khususnya bagi kes-kes *acute*.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

(Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan mengangkat tangan)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia

Haji Md. Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua berikan ruang kepada kaola.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas penjelasan dan inisiatif-inisiatifnya akan diambil bagi menaik taraf dan menambah baik lagi *infrastructure* di Hospital RIPAS. Apa yang kaola ingin bertanya, apakah status perkembangannya tentang bermulanya akan membina blok tambahan kerana Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah pun memberikan mukadimah semasa mesyuarat ke-20 tahun 2024 tentang rancangan pembinaan tambahan bagi Hospital RIPAS. Perkara ini patutlah diberikan prioriti sebabnya banyak kekurangan keperluan bagi kitani meneruskan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan meningkatkan dan juga memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik kepada warga negara Brunei dan memberikan pesakit-pesakit yang memerlukan.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Jadi soalnya berbeza dengan yang *original* lah ah. So mengenai dengan hospital blok baru. Alhamdulillah, setakat ini ia sudah pun *ditender* untuk mencari

hospital planner Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jadi penilaian sudah dibuat *so* dalam masa terdekat pemilihan *hospital planner* akan dilaksanakan dan akan memulakan proses pembangunan blok tersebutlah. Perkara ini semua telah pun diaturkan di bawah Kementerian Pembangunan, semuanya mengikut jadual yang telah pun dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang ketujuh iaitu soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman yang juga ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah, terima kasih atas pertanyaan daripada Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman berhubung dengan kemudahan wad kelas pertama di Hospital RIPAS.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kementerian Kesihatan mengambil maklum dan memberi perhatian serius terhadap aduan dan maklum balas mengenai kemudahan wad kelas pertama yang dianggap tidak memuaskan.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil perhatian serius terhadap mutu perkhidmatan dan kemudahan di semua wad-wad di hospital kerajaan. Ini termasuk wad kelas pertama di mana pesakit dikenakan bayaran mengikut sukat-sukatan yang sedia ada. Pihak hospital telah mengenal pasti beberapa masalah ataupun isu yang berlaku di wad-wad kelas pertama seperti peralatan yang rosak atau hilang, perabot yang memerlukan penggantian dan masalah air panas.

Setakat ini, pihak hospital sedang berusaha untuk menjalankan pembaikan dengan cara berterusan, dengan gangguan minima kepada pesakit atau pengurangan ketersediaan bilik-bilik kelas pertama. Di samping itu pihak hospital akan terus mengambil langkah proaktif dalam aspek penjagaan dan penyelenggaraan aset sebagaimana yang dirumuskan melalui plan tindakan berikut. Pertama, peningkatan kualiti wad kelas pertama. Penambahbaikan dan penaiktarafan kemudahan di wad kelas pertama akan dilaksanakan. Setahun kebelakangan ini sahaja lebih 45 set televisyen yang terletak di wad-wad dan klinik di hospital RIPAS telah diperbaiki dan 31 set lagi dalam pelaksanaan proses pembaikan. Selain itu, penyediaan perabot dan kemudahan yang lebih selesa dan moden juga akan dilaksanakan. Antara lain bertujuan untuk memastikan keselesaan pesakit adalah seiring dengan nilai bayaran yang dikenakan.

Kedua, pemantauan dan pengauditan berkala. Satu pasukan khas ataupun *ad-hoc team* telah ditubuhkan bagi melaksanakan pemantauan berkala terhadap kemudahan dan fasiliti-fasiliti di wad kelas pertama. Pendekatan ini diambil untuk memastikan penjagaan aset dilakukan secara teratur dan proaktif dan bukan sekadar berdasarkan aduan kerosakan yang diterima. Seterusnya sebagai langkah penambahbaikan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi melancarkan proses pelaporan aduan kerosakan dan keperluan pembaikan, setiap bilik akan dilengkapi dengan panduan serta tatacara rasmi bagi penyampaian maklum balas kepada pihak pengurusan.

Dan, ketiga, penyumberan luar Pengurusan dan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti atau FEMS. Kementerian sedang melaksanakan proses penyumberan luar bagi perkhidmatan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti ataupun FEMS yang merangkumi penyelenggaraan kejuruteraan aset secara menyeluruh. Ini termasuk penyelenggaraan fasiliti di wad kelas pertama. Proses *tender* bagi perkhidmatan ini kini sedang dijalankan. Melalui langkah-langkah di atas, adalah diharapkan mutu dan suasana wad-wad termasuk wad kelas pertama akan terus ditambah baik dan memenuhi *expectation* pesakit serta keluarga mereka. Kementerian juga ingin mengingatkan bahawa semua kemudahan yang disediakan adalah

untuk kegunaan bersama dan perlu dijaga dengan sebaik-baiknya.

Penggunaan yang tidak berhemah boleh mengakibatkan kerosakan dan menjejaskan keselesaan pengguna lain. Oleh itu, untuk memastikan keselesaan sejajar dengan bayaran yang dikenakan, sokongan dan tanggungjawab bersama adalah amat penting dalam memelihara dan mempertingkatkan perkhidmatan. Untuk makluman, perbandingan penilaian berdasarkan kadar caj wad kelas pertama dengan negara jiran telah dibuat sebagai penanda aras bagi memastikan caj-caj yang dikenakan di Brunei adalah sangat berpatutan dan sejajar dengan perkhidmatan yang disediakan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kesihatan akan terus berusaha agar lebih efektif agar segala kerosakan ataupun ketidakselesaan akan ditangani dengan lebih baik.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang kelapan iaitu soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih jua atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran

Haji Aliuddin berkenaan dengan cara-cara menangani isu *self-sufficiency* beras hasil tempatan di negara.

Seperti yang telah abisperamba, kaola nyatakan dalam kenyataan peramba, kaola semasa musim permesyuaratan sesi pertama yang lalu mengenai inisiatif-inisiatif bagi menangani isu sekuriti makanan negara khususnya beras. Pada dasarnya terdapat dua strategi yang dilaksanakan dengan tujuan memperkukuhkan pengeluaran domestik dan pembekalan import iaitu strategi pertama ialah meningkatkan keluaran dan kualiti beras tempatan dan juga strategi kedua ialah mempelbagaikan sumber pembekalan beras. Di bawah strategi pertama iaitu meningkatkan keluaran dan kualiti beras tempatan, fokus utama ialah untuk menggalakkan penggunaan *variety* padi yang mampu menghasilkan pengeluaran yang tinggi seperti padi *hybrid* Sembada 188 dan juga *variety* baru padi Yuan 158 yang boleh mencapai penghasilan 5 ke 7 tan metrik sehektar semusim.

Kedua ialah melaksanakan penyelidikan dan kajian kesesuaian *variety-variety* baru bagi kawasan yang mempunyai sistem pengairan dan juga dilaratkan juga kepada kawasan yang tidak mempunyai sistem pengairan melalui kerjasama erat dengan syarikat dan juga agensi-agensi daripada Republik Rakyat China dan juga *International Rice Research Institute, Philippines*. Ketiga, meningkatkan kesuburan tanah melalui pendekatan pertanian *regenerative* iaitu *regenerative agriculture* termasuk

penggunaan bahan baja organik bagi memastikan tanaman mampu mengeluarkan hasil yang optimum di samping itu meningkatkan kesuburan tanah yang diusahakan.

Keempat, ialah terus mengusahakan, terus berusaha untuk meningkatkan sistem infrastruktur ladang terutama sekali sistem pengairan dan saliran untuk mendukung pengeluaran padi yang optimum. Kelima, ialah meningkatkan kemahiran pengusaha secara berterusan dalam menggunakan *best practices* dalam pengeluaran padi melalui kursus-kursus di bawah Sekolah Perladangan Pengusaha Padi, *Rice Farmer Field School* yang masih lagi dilaksanakan di keempat-empat daerah.

Yang keenam ialah meningkatkan kualiti beras tempatan melalui kerjasama syarikat berkaitan kerajaan GLC iaitu *Wasan Milling Company, WMC* melalui meningkatkan pengurusan lepas tuai, pengisaran padi dan jua penyimpanan beras melalui pengkorporatan kompleks pemprosesan padi di Wasan. Melabur dalam *equipment* baru dan moden bagi meningkatkan kapasiti pengisaran padi yang berkapasiti 2 kali ganda, 7 tan metrik sejam daripada mesin yang sedia ada. Meningkatkan pengurusan lepas tuai melalui pembelian mesin pengeringan padi dan penukaran pada sistem penerimaan padi basah dalam masa yang terdekat bagi meningkatkan perolehan beras bulat dan meningkatkan pengurusan penyimpanan padi dan beras dan penggunaan teknologi penyimpanan bijiran yang boleh memanjangkan *shelf*

life, seperti penggunaan *hermetic storage*.

Di bawah strategi kedua, iaitu mempelbagaikan sumber pembekalan beras pula iaituianya adalah penting kerana tapak ladang yang sesuai bagi tanaman padi berkala komersial adalah terhad. Menggelakkan daripada hutan-hutan yang juga bernilai tinggi khususnya dari segi peranan dalam penyerapan karbon dan pengawalan iklim daripada musnah dan hakikat bahawa kos pengeluaran beras dalam negeri adalah tinggi berbanding dengan kos pengimportan beras dari luar negeri.

Oleh yang demikian, pada masa ini pihak kerajaan, pihak kementerian dengan kerjasama dengan agensi-agensi yang lain berkaitan sedang giat menerokai peluang-peluang kerjasama pelaburan dan juga mengenal pasti sumber-sumber lain bagi pembekalan padi dan beras terutama di rantau BIMP EAGA termasuk di Sabah dan Sarawak. Bagi penglibatan belia memang masih dilaksanakan di bawah program-program penglibatan belia dalam pertanian yang masih peramba, saya nyatakan sebelum ini.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Soalan yang kesembilan.

(Yang Berhormat Pengiran Haji Isa mengangkat tangan)

(Yang Berhormat Yang Di-Pertua memberi laluan kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa)

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Memang sudah dimaklumi langkah-langkah dan strategi itu, hanya soalan itu ialah yang terbaru, bukan yang 2024. Walau bagaimanapun, kaola ingin lebih lanjut lagi penerangan mengenai dengan *regenerative*, boleh dapat Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan lebih mendalami lagi dalam isu *regenerative* itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan juga Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Sebenarnya pelaksanaan sekuriti makanan ini bukannya *short-term* ni. Jadi bukannya kan di apa ni dipindah, di tukar-tukar ataupun *new idea, it's a long-term process*. Jadi *whatever* yang ada, *few months ago* masih relevan. Nada yang baru masa ini kecuali yang dikatakan yang biskaola *introduce* baru-baru ini ialah *regenerative agriculture*, itu yang terbaru sekali. Di mana *regenerative agriculture* ini ialah menggunakan konsep kitaran semula *and then making sure that* apa nama nya

tanah yang diusahakan bukan sahaja untuk di *maximise yield*nya malah memperbaiki untuk secara berterusan tanah itu.

Jadi dengan adanya *regenerative agriculture* ini, ia akan menggunakan bahan-bahan organik, *organic farm* punya *waste* untuk di *plough back* kepada tanah untuk memperbaiki tanah itu secara berterusan. Bukan ia, apa namanya dulu ganya pihak Jabatan Pertanian menggunakan baja biasa, baja *chemical*, *now we are trying to improve* tanah itu bukan sahaja menggunakan baja *chemical* tapi baja organik kerana telah terbukti bahawa dengan penggunaan baja organik akan *improve* tanah itu terutama sekali dari segi kemasamannya, PH nya, *acidity*nya.

Ia boleh mengurangkan *acidity* tanah lebih efektif tetapi *output*nya ialah secara *medium to long-term* bukannya *immediate*. So jadi pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang berusaha *in the medium to long-term*, *we still have to start from now* untuk memastikan bahawa tanah itu *continuously improve*. Di samping itu jua, *one good thing about regenerative agriculture* ini ia akan menggunakan apa ni *waste* daripada pertanian terutama sekali sisa-sisa, apa namanya, *waste* apa ni najis-najis daripada ternakan yang boleh, ertinya boleh *rather than* najis-najis ternakan dibuang di tempat pelupusan sampah, masa ini akan digunakan untuk diproses menjadi baja

dan juga di anu digunakan semula untuk kegunaan pertanian. Alhamdulillah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Itulah dia konsep *regenerative agriculture* yang baru di *introduce* dalam masa *this year*. Insya Allah.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Maaf Yang Berhormat Yang Di-Pertua Yang bijaksana. Kaola ingin menukil *invoke* seksyen 9 (2) yang mana bila Ahli boleh bercakap lebih dari sekali. Jadi minta maaf kalau kaola ingin mengambil masa.

Ganya kaola ini ganya akan memberikan keterangan syabas kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, terutama Jabatan Pertanian yang telah memperkenalkan *regenerative* ini. Istilah *regenerative* ini adalah bagus sepertimana seorang yang dipaksa main bola ataupun maraton tetapi masih lakat lagi *injured* batisnya, pebaik tah kasutnya *Asics* kah, *Adidas predator*, *Nike Mercurial Ronaldo*, memang inda dapat, pasalnya tanah itu masih lakat lagi *injured*. Jadinya kalau sudah *regenerative* ini ia telah mengusai tanah itu, memang diketahui ia bukan *immediate* punya proses, ia akan memakan masa memang difahami. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Jadi kitani beralih kepada soalan yang kesembilan iaitu soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat

Awang Zainol bin Haji Mohamed yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed bagi soalan yang telah disampaikan iaitu mengenai langkah Kementerian Pembangunan dalam memastikan kawasan penempatan lama tidak terpinggir dalam perancangan pembangunan bandar.

Mana -mana bangunan atau binaan yang dikenal pasti mempunyai nilai sejarah ada didaftarkan sebagai monumen purba dan tapak bersejarah di bawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam, 1967 dengan edisi semakan 1984, 1990 dan 2002 adalah dalam kawalan Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Setelah permakluman selaras dengan pendaftaran itu, Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan membuat penyelarasan bersama Jabatan Muzium-Muzium mana-mana senarai yang diperlukan untuk diterapkan dalam pelan-pelan pembangunan peringkat bandar dan daerah bagi kawasan atau bangunan yang dipelihara atas kepentingan sejarah atau warisan.

Kementerian Pembangunan mendukung usaha sama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam mengenal pasti

lokasi yang mempunyai nilai sejarah atau warisan akan mencadangkan kawalan guna tanah dan bangunan bagi tujuan pemeliharaan serta memberikan cadangan pemulihan dan guna semula atau *adaptive reuse* bagi bangunan-bangunan yang mempunyai nilai sejarah atau warisan.

Atu tah jawapan kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Soalan yang kesepuluh daripada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin atas soalan untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama menyatakan bagaimana akan memperbaiki dasar penilaian dan laluan kerjaya warga pendidikan.

Berdasarkan kepada soalan ani Yang Berhormat Pehin, difahami adalah didasarkan kepada kaji selidik warga pendidikan dan pada tahun 2024 mendapati bahawa 52 peratus guru menilai proses penilaian dan kenaikan pangkat tidak jelas, itu satu, atau tidak telus, menjejaskan motivasi serta kualiti pendidikan.

Dalam hal ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Ugama menghargai inisiatif sebahagian Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah melaksanakan kaji selidik warga pendidik pada tahun 2024 yang lalu di mana hasilnya telah dikongsikan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga difahami kepada Kementerian Pendidikan. Hasil daripada laporan kajian tersebut, diambil maklum bahawa seramai 52 peratus daripada kalangan guru berpendapat bahawa proses penilaian dan kenaikan pangkat tidak jelas, itu yang modelnya, dan atau tidak telus.

Dalam pada itu, pihak Kementerian juga mengambil maklum bahawa kaji selidik tersebut telah melibatkan seramai 427 guru yang mana hanya 29 peratus daripadanya merupakan guru-guru daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maka, sukacita dikongsikan bahawa laluan kerjaya yang diperuntukkan khusus bagi tenaga-tenaga pengajar di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah melalui Skim Perkhidmatan Guru Ugama, SPGU, yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2017 sebagai kesinambungan kepada skim perkhidmatan yang ada sekarang.

Pemberigian mengenai skim ini telah dilaksanakan kepada semua guru termasuk pemimpin-pemimpin sekolah. Ia diberigakan sejak tahun 2017 secara berterusan, bukan bermusim ni, tetapi secara berterusan terutama termasuk bagi guru-guru baharu khususnya semasa sesi induksi tenaga pengajar.

Dalam pada itu, satu inisiatif tambahan telah dilaksanakan dengan penyediaan kod QR, di mana memberikan akses mudah kepada tenaga pengajar untuk mendapatkan penjelasan yang terperinci berhubung perkembangan proses sokongan Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama SPGU itu. Kementerian Hal Ehwal Ugama pada masa ini sedang dalam proses seterusnya menilai garis panduan Skim Perguruan Ugama SPGU ini bagi memastikan skim ini lebih berdaya tahan dan kekal berkesan dengan keperluan semasa dan yang penting sekali untuk masa hadapan seterusnya.

Jadi kaola, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sukacita menasihatkan di sini, sabarlah. Sabarlah menunggu apa-apa jua hasil daripada apa yang mereka khidmatkan. Perkhidmatan mereka, mutu perkhidmatan, sebaik-baiknya teruskanlah, insya Allah. Kitani diajarkan, ada ayat Al-Quran yang menyebut (*ayat dibaca*) ani kitani baca bukan masa tahlil saja ni Yang Berhormat Pehin, tapi masa kitani sembahyang, ratib-ratib setelah sembahyang, ertinya Allah Ta'ala tidak mentaklif atau masyaqqah seseorang itu melainkan berdasarkan kadar upayanya, berdasarkan kadar upayanya itulah ia akan mendapat ganjaran yang baik, sejajar dengan upayanya, begitu juga sejajar dengan upayanya yang kurang misalnya barangkali, kuranglah. Jadi, selain itu, ada jua ayat yang menyebut (*ayat dibaca*) ertinya bersabarlah, dengan kesabaran itu akan memperlihatkan apa hasilnya, Allah Ta'ala tidak mempersia-siakan.

Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih Pehin Yang Di-Pertua. *Can I make clarification* kah mengenai soal selidik yang biskaola buat tahun lepas? Ini bukannya khusus untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama saja, ini termasuk jua anu guru-guru di Kementerian Pendidikan. Jadi, inilah respon mereka mengenai soal selidik yang ditimbulkan di sini, *so it covers both ministry* Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ganya barangkali dalam sini ni ditujukan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Atulah ceritanya. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya kira indalah payah kitani panjang-panjangkan perkara itu untuk meminta lagi, apa namanya ni, pandangan daripada Kementerian Pendidikan, cukup dengan penerangan yang telah pun di apa namanya ni, dihadapkan ataupun dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dari sana kitani beralih kepada soalan yang ke sebelas, iaitu soalan yang diterima daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kaola mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam atas soalan 11, (PL192) mengenai langkah pihak kementerian untuk mempercepat proses semakan dan pindaan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda, Penggal 219 serta undang-undang berkaitan untuk menutup jurang perundangan terhadap bentuk penderaan moden termasuk eksploitasi digital dan penderaan psikologi.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebenarnya mengambil baik cadangan tersebut dan mengambil maklum, keperluan untuk mempercepat proses semakan dan pindaan akta-akta mengikut keperluan semasa yang menangani keperluan perlindungan kanak-kanak daripada sebarang eksploitasi. Sehubungan itu, peramba/koala/ saya ingin jua mengongsikan beberapa platform dan langkah yang telah dan sedang di ambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam menangani kes-kes demikian.

Antaranya, pertama, pengukuhkan Rangka Kerja Kebangsaan Bagi

Perlindungan Kanak-kanak, *National Framework on Child Protection*, NFCP sebagai panduan kebangsaan untuk mengembangkan ekosistem perlindungan kanak-kanak termasuk memperkukuh kerjasama antara agensi-agensi utama. Antara agensi-agensi utama yang kaola maksudkan adalah datangnya dari berbagai sektor. Contohnya, bagi sektor sosial, pekerja sosial JAPEM, penghulu mukim, ketua kampung, NGO dan juga orang-orang awam.

Bagi Sektor Pendidikan, pengetua, guru-guru kaunselor, penjaga pusat enjagaan kanak-kanak dan di bawah Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Pendidikan Swasta, Jabatan Pengajian Islam dan Sekolah-Sekolah Tahfiz dan Arab. Bagi Sektor Penguatkuasaan pula, Pasukan Polis Di-Raja Brunei, Biro Kawalan Narkotik dan Penguatkuasaan Ugama. Bagi Sektor Kesihatan, pegawai perubatan profesional, pekerja perubatan sosial, hospital-hospital kerajaan dan swasta. Jadi ini lah contoh agensi-agensi dan pegawai-pegawai profesional yang terlibat dalam menangani isu-isu seperti ini.

Agensi-agensi ini memainkan peranan penting dalam perlindungan kanak-kanak termasuk perlindungan daripada eksploitasi digital dan penderaan psikologi serta bertindak sebagai barisan hadapan dari segi pengesanan awal, pendekatan dan pelaporan. Ianya turut diperkukuh melalui beberapa mekanisme di bawah NFCP termasuk SAP iaitu mekanisme untuk mengenal pasti kanak-

kanak yang memerlukan perlindungan dan bagi memudahkan dalam menjalankan intervensi awal terhadap mana-mana aduan yang diterima dan *Child Protection Reporting Protocol*, CPRP iaitu tatacara bagi setiap sektor mengenal pasti tindakan selanjutnya atau tindakan *follow-up*. Kedua-dua protocol ini, SAP dan CPRP ini mempunyai empat versi bagi keempat-empat agensi utama.

Kedua, Rangka Kerja Perlindungan Kanak-Kanak dalam Talian, *Child Online Protection Framework* telah pun diperkenalkan pada tahun 2013 berasaskan inisiatif perlindungan kanak-kanak dalam talian oleh *International Telecommunication Union*, ITU. Rangka kerja ini penting bagi menyelaraskan tindakan agensi-agensi berkepentingan dalam melindungi keselamatan kanak-kanak di alam maya, khususnya ketika penggunaan media sosial dalam kalangan kanak-kanak dan remaja semakin meluas dan terdedah kepada risiko buli siber, *cyber bully*, gangguan serta pemangsa seksual. Pada masa ini, rangka kerja tersebut sedang melalui proses semakan, perbincangan bagi tujuan semakan dan penambahbaikan agar selaras dengan keperluan semasa.

Mengenai saranan, semakan dan pindaan akta bagi menutup jurang perundangan terhadap kes-kes eksploitasi digital dan penderaan psikologi, dimaklumi jua beberapa perundangan yang sedia ada bagi mengenai kes-kes ini ialah Pertama, Seksyen 509, *Penal Code*, *Outraging*

Modesty of a Woman bagi kes yang melibatkan bagi seorang wanita atau remaja perempuan; dan Kedua, Seksyen 506, *Penal Code*, boleh digunakan bagi kes yang melibatkan kanak-kanak secara umum seperti kes ugutan di dalam talian.

Kementerian abiskoala menyambut baik cadangan penambahanbaikan perundangan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam dan perbincangan lanjut setentunya dapat dibuat bersama Jabatan Perdana Menteri dan agensi-agensi berkenaan bagi meneliti keperluan pindaan. Ini termasuk cadangan berhubung Seksyen 23(1) yang menyentuh kewajiban statutori pegawai perubatan dalam melapor semua bentuk penderaan tanpa perlu menunggu pengakuan mangsa.

Walaumacam manapun, berdasarkan peruntukan yang dimaksudkan di dalam seksyen 23(1) di dalam Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda, Penggal 219 iaitu "*If a medical officer is of the opinion that a child or young person who he has examine or treated has been physically or emotionally injured as a result of being ill-treated, neglected, abandoned or exposed, he shall immediately notified a protector or a police officer*" bermakna kewajiban statutori yang dicadangkan setentunya ada diambil kira mengikut peruntukan seksyen 23(2) iaitu "*Any Medical Officer who fails to comply with Subsection 1 is guilty of an offense and liable on conviction to a fine not exceeding \$10,000 dollars*" dan seterusnya turut didokong oleh

subseksyen seterusnya 23(3), 23(4) dan 23(5).

Jadi keperluan untuk meminda perundangan berkaitan perlindungan kanak-kanak ini turut di sokong oleh hasil dapatan bengkel di peringkat nasional iaitu *National Consultation on The Elimination of Violence Against Children* yang mana pernah diadakan pada 17 Jun tahun ini dan ianya telah dihadiri oleh agensi-agensi kerajaan serta bukan kerajaan. Jadi bengkel ini sebenarnya bertujuan untuk mengenalpastilah mana-mana kekurangan dari sudut pelaksanaan dan juga penguatkuasaan dasar serta merumuskan penyelesaian secara kolektif terhadap isu keganasan terhadap kanak-kanak termasuk risiko dalam talian.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama pihak-pihak berkepentingan telah mengambil maklum jurang-jurang yang wujud dalam usaha melindungi kanak-kanak daripada keganasan seperti ketidakjelasan atau kurang jelas perundangan berkaitan keganasan dalam talian ataupun apa yang tani pahami sebagai *legal ambiguities* serta pelaksanaan dasar yang masih belum lagi di tahap yang menyeluruh khususnya dalam menangani isu perangsangan dalam talian ataupun apa yang kita fahami sebagai *online grooming* dan eksploitasi siber.

Jadi, antara cadangan penambahbaikan yang telah dibincangkan termasuklah keperluan untuk mengemaskini undang-

undang mengenai berkaitan jenayah seksual dalam talian. Sebelum kaola mengakhiri, kaola ingin jua menekankan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama agensi-agensi lain yang relevan sudah setentunya komited dan sangat komited untuk memastikan setiap bentuk ataupun segala bentuk perlindungan kanak-kanak dapat diperkasa secara menyeluruh dan responsif dan selaras dengan realiti cabaran yang kitani hadapi pada masa ini dan pada masa akan datang.

Jadi sekian saja bagi menjawab soal Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Waktu pertanyaan telah pun selesai dan sekarang kita beralih kepada urusan mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Usul Penangguhan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara sekarang menyambung semula ucapan-ucapan bagi Usul Penangguhan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum

warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. *(doa dibaca).*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua serta Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua seluruh rakyat dan penduduk di negara ini masih terus kekal menikmati keamanan dan kesejahteraan.

Ini setentunya melambangkan manifestasi iltizam dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menerajui pembangunan negara dan membawa kepelbagaian perubahan dalam beberapa bidang keutamaan selain pendidikan.

Di kesempatan ini kaola, saya dengan penuh ikhlas ingin merakamkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam mengepalai per muzakarah, memberikan pandangan dan saranan yang bernas serta luas mengenai perkara-perkara strategik merentasi semua bidang-bidang berkepentingan negara.

Setinggi penghargaan juga kaola, saya ucapkan kepada Yang Mulia Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam memastikan keberkesanan

tadbir urus dan kelancaran di sepanjang permesyuaratan pada tahun ini. Seterusnya kaola, saya juga turut menghargai sepenuhnya keprihatinan yang mendalam rakan-rakan sejawatan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik menerusi saranan dan pandangan terhadap isu-isu yang sangat bermakna kepada kerajaan khususnya berkaitan sektor pendidikan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua serta Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola/saya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas titah baginda bagi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk diadakan dua kali setahun mulai tahun ini. Natijahnya, titah baginda itu membolehkan Dewan yang mulia ini antara lain membincangkan usaha senegara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 yang sudah setentunya kejayaannya bergantung kepada penglibatan menyeluruh, usaha gigih dan kerjasama berterusan daripada semua pihak dan lapisan masyarakat untuk bertindak dan bersatu.

Di kesempatan ini, kaola/saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri serta Ahli-Ahli Yang Berhormat atas pembentangan dan

perbincangan yang bernas terhadap empat Usul penting dalam Mesyuarat Kedua Majlis Mesyuarat Negara Ke- 21 ini. Kementerian Pendidikan menyambut baik dan menyatakan sokongan penuh terhadap keempat-empat Usul ini. Usul-Usul tersebut mencerminkan aspirasi kolektif ke arah kemajuan negara yang berpaksikan nilai, daya saing dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Pendidikan mempunyai pelbagai peranan dalam membentuk kehidupan pelajar, memastikan kesejahteraan mereka dan menyediakan mereka untuk masa hadapan. Dalam hal ini, pelajar dipantau secara aktif bagi mengelakkan mereka tercicir daripada sistem pendidikan. Melalui pelbagai usaha dan sistem penjejakan seperti *Cohort Tracking*, Sistem Pengurusan Kehadiran Pelajar, Program Harapan dan Program Anak Harapan dan Program *Ri'ayah Wa Mahabbah* untuk memantau pelajar berprestasi rendah dan berisiko keciciran. Ke arah menangani isu ketidakpadanan program pengangguaran graduan dan penajajaran industri, Kementerian Pendidikan memperjuangkan pendekatan senegara serta komprehensif yang menekankan pendidikan berkualiti, pembangunan kemahiran dan kerjasama erat dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Usaha-usaha ini dipandu oleh ketiga-tiga *blueprint* dan pelan strategik kementerian yang bertujuan untuk

mentransformasikan Negara Brunei Darussalam menjadi ekonomi yang dinamik dan mampan dengan tenaga kerja siap siaga masa depan.

Pelbagai usaha memperkukuh kebolehpasaran graduan TVET, Politeknik Brunei, PB dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei, IBTE telah melaksanakan skim khas untuk melibatkan tenaga pengajar dari industri. Di Politeknik Brunei, seramai 35 pengajar industri telah dilantik di bawah skim *Locum Tenens* bagi tempoh Januari hingga Disember 2025. Manakala di IBTE, seramai 21 tenaga pengajar dari industri telah dilantik melalui skim *Adjunct Lecturer* merentasi pelbagai bidang teknikal dan profesional.

Pendekatan ini bukan sahaja memberi pendedahan dunia sebenar kepada pelajar, malah membantu memudahkan penyuaian mereka ke alam pekerjaan, melalui pengalaman praktikal yang diperolehi semasa pengajian. Menyentuh mengenai jurang kelayakan guru, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah sistematik untuk menyelaraskan kualiti pendidikan awal melalui penetapan garis panduan formal program latihan profesional, piawaian kurikulum serta pemantauan dan pengawalan institut pendidikan swasta.

Bagi mengurangkan jurang dalam kelayakan minima tenaga pengajar di institusi pendidikan awam dan swasta, inisiatif yang diungkayahkan oleh Kementerian Pendidikan seperti Program Pembangunan Profesional Berterusan,

CPD serta piawaian *Brunei Teacher Standard Teacher Performance Appraisal*, BTS-TPA bagi menanda aras kualiti pengajaran pembelajaran turut dilaratkan kepada guru-guru dan pemimpin sekolah di institusi pendidikan swasta dan institusi pendidikan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

*Youth march on with courage and grace,
Walking paths both straight and true,
Teachers nurture at steady pace,
To build a future bright and new,*

*With hands united, hearts that care,
The nation rises, bold and strong,
Dreams once distant now feel near,
Progress blooms when all move along.*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua serta Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Di kesekempatan ini kaola, saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga pendidik yang tidak pernah mengenal erti penat lelah dengan sentiasa menanamkan sifat sabar serta penuh dedikasi dalam melaksanakan amanah sebagai seorang insan bergelar guru.

Di akhir ucapan kaola, saya menyusun sepuluh jari memohon maaf jika sekiranya terdapat kejanggalan, suruk langkah dan sebarang tingkah laku dan pencakapan kaola, saya yang kurang sopan yang tidak disengajakan dalam masa kita bersidang ini.

Dewan bergema mencambah minda,

Pelbagai pendapat kita dengarkan,
Andai ada tersalah bicara,
Kemaafan jua kaola pohonkan.

Pohon selasih di dalam kolam,
Anak haruan berenang-renang,
Terima kasih kaola ucapkan,
Budi semua menjadi kenangan.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala
wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji
Lamat.

**Yang Berhormat Awang Lawi bin
Haji Lamat:** Bismillahir Rahmanir
Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-
Ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu, kaola ingin mengambil
kesempatan untuk menyembahkan
setinggi-tinggi menjunjung kasih
Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam atas perkenan baginda
mengurniakan Peruntukan Belanjawan
Tahun 2025/2026 yang diluluskan dalam
Mesyuarat Pertama dari Musim
Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat
Negara.

Kaola bersyukur dan berdoa agar semua
perancangan ke arah melaksanakan
agenda kemajuan negara akan mencapai

matlamat yang dikehendaki, insya Allah.
Kearah itu, selaku rakyat kita perlu
melihat usaha ini sebagai usaha dan
tanggungjawab bersama, kemakmuran
dan kesejahteraan serta kemajuan yang
dinikmati hari ini, akan datang adalah
milik bersama dan generasi yang akan
datang.

Adalah wajar selaku rakyat dan
penduduk Negara Brunei Darussalam
hendaklah sentiasa menyokong semua
inisiatif yang dirancang oleh pihak
Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
ke arah mencapai matlamat besar
Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-
Ahli Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin
menyentuh secara khusus mengenai dua
perkara utama yang amat dekat di hati
rakyat dan memerlukan perhatian serta
kerjasama berterusan semua pihak.
Pertama, berkaitan dengan isu
pengangguran khususnya dalam
kalangan belia dan graduan tempatan.
Walaupun pelbagai inisiatif telah
diperkenalkan bagi memperkasa
kemahiran dan kebolehpasaran tenaga
kerja tempatan namun realitinya masih
ramai anak-anak kita yang belum
memperoleh pekerjaan yang
bersesuaian. Ada yang terpaksa
menerima pekerjaan di luar bidang
kepakaran atau dalam sektor tidak
formal semata-mata untuk meneruskan
kelangsungan hidup. Ini adalah satu

cabaran nyata yang boleh menjejaskan potensi pembangunan insan negara jika tidak ditangani secara tunas.

Dan, kedua, isu ini berkait rapat dengan usaha kita dalam memastikan rakyat benar-benar dapat menikmati kualiti hidup yang tinggi sebagaimana yang menjadi teras kepada wawasan negara. Kualiti hidup bukan sahaja bermaksud memiliki pekerjaan ataupun pendapatan tetapi merangkumi kestabilan kediaman, kesejahteraan mental, akses kepada kesihatan, pendidikan dan persekitaran yang kondusif. Oleh itu, kaola menyambut baik langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dan pada masa yang sama mencadangkan agar pendekatan lebih holistik, menyeluruh dan berpaksikan kepada realiti semasa rakyat terus dipertingkatkan, termasuk memperkukuh kerjasama dengan sektor swasta, penyediaan peluang keusahawanan yang berdaya tahan serta penggunaan teknologi bagi menjana pekerja baharu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Dalam kesempatan ini, kaola merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin mesyuarat di Dewan yang mulia ini dengan cemerlang dengan dibantu oleh Yang Mulia Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Kaola juga berterima terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan untuk menyampaikan pandangan dan perbincangan ini. Semoga segala perbincangan yang telah berlangsung mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala juga, Amin Ya Rabbal Alamin.

Akhir sekali, kaola tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang begitu tabah mendengar soalan-soalan, saranan-saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik dan memberi penjelasan-penjelasan kepada program-program kemajuan dan perkembangan serta pelaksanaan projek-projek di kementerian masing-masing.

Akhir kalam, kaola memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kekhilafan, tersilap tutur kata atau tingkah laku sepanjang mesyuarat ini berlangsung. Sekian, Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu kaola ingin merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2025.

Kaola juga merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas peluang untuk turut serta dalam ucapan penangguhan ini serta atas kepimpinan cemerlang memimpin permesyuaratan dengan tenang dan bijaksana. Seterusnya kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Mulia Jurutulis atas pengurniaan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.). Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Yang Mulia Jurutulis dan seluruh warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dalam memastikan kelancaran urusan persidangan ini. Kaola juga sangat menghargai atas komitmen Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang telah menjawab soalan-soalan dan memberi penerangan terperinci usaha-usaha di setiap kementerian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola menyambut baik titah baginda yang menekankan bahawa Wawasan Brunei 2035 mesti dilaksanakan dengan kesungguhan dan integriti bukannya sekadar retorik. Titah tersebut menyeru kepimpinan yang telus,

bertanggungjawab dan berani memperbaiki kelemahan demi kesejahteraan rakyat.

Baginda juga telah memperkenankan beberapa reformasi besar dalam Majlis Mesyuarat Negara iaitu Pertama, kekerapan persidangan dari sekali setahun kepada dua kali setahun. Kedua, pengemaskinian prosedur dan proses kerja MMN menurut Peraturan-Peraturan Mesyuarat atau *Standing Orders*, dan Ketiga, penggubalan Kod Etika kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Struktur dua sesi ini menyediakan ruang, bermakna untuk memperhalusi belanjawan negara dan menumpukan perhatian secara tersusun kepada isu-isu strategik nasional. Pendekatan ini menyokong usaha meningkatkan ketelusan, keberkesanan dasar dan penyampaian matlamat Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Meskipun pertumbuhan KDNK menunjukkan peningkatan, Brunei Darussalam masih berdepan cabaran hasil dan defisit fiskal. Ini menuntut strategik fiskal yang lebih berkesan dan menyeluruh. Pelaburan perlu disasarkan kepada sektor berdaya tahan dan produktiviti tinggi dengan penekanan kepada inovasi dan daya saing. Kecekapan perbelanjaan awam mesti diperkukuh, eksport dipertingkatkan dan kebergantungan kepada import dikurangkan.

Projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara, RKN pula harus dilaksanakan secara berhemah, menepati jadual dan bajet agar benar-benar membawa nilai kepada pembangunan. Prestasi pelaksanaan progresif perlu diteruskan dan pengajaran daripada RKN11 wajar dijadikan pedoman bagi meningkatkan keberkesanan dan fasa seterusnya.

Brunei Darussalam kini berada di dalam fasa kritikal transformasi nasional seperti digariskan dalam Wawasan Brunei 2035. Aspirasi ini menuntut asas kukuh perkhidmatan awam yang responsif dan berakuntabiliti, infrastruktur moden dan inklusif serta masyarakat bersatu padu dan berdaya tahan. Namun jurang kecekapan antara agensi masih ketara dengan hanya segelintir menunjukkan prestasi berkesan. Tiada ruang bagi budaya *little napoleons* yang melemahkan kemajuan dan kepercayaan rakyat. Bidang yang dimonopoli oleh orang luar wajar diambil alih semula berasaskan pemberdayaan rakyat dan ekosistem keusahawanan yang kondusif.

Tanpa asas kukuh, pelan strategik seperti Rangka Tindakan Ekonomi berisiko kekal sebagai retorik semata-mata. Pelaburan *infrastructure* perlu ditumpukan kepada keperluan asas yang menyokong transformasi ekonomi seperti pengangkutan awam daerah, logistik usahawan, prasarana digital luar bandar dan pusat latihan kemahiran di setiap daerah. *Infrastructure* ini bukan sekadar fizikal tetapi juga sosial dan digital, membina keyakinan,

memudahkan akses perkhidmatan dan menjamin peluang ekonomi yang adil.

Walaupun walaupun enam aspirasi utama ke arah ekonomi mampan telah digariskan dalam Pelan Induk Ekonomi Negara, pelaksanaannya masih belum benar-benar menyentuh akar masyarakat. Realiti semasa menuntut dasar yang lebih berpaksikan komuniti, bermula dengan mendengar suara rakyat. Tanpa menangani isu asas kehidupan, transformasi sukar dicapai. Golongan paling terkesan wajar menjadi pemula perubahan.

Maka, penubuhan pasukan tindakan rentas agensi amat penting bagi memastikan dasar sampai ke komuniti terbawah. Tanpa asas kukuh di akar umbi, pelan dari atas hanya menjadi *structure* rapuh. Jika kurang ini dibiarkan, jika jurang ini dibiarkan, aspirasi ketiga Wawasan Brunei 2035 terancam dan luar, terancam dan luar bandar terus ketinggalan.

Untuk memperkukuh akar ekonomi rakyat, besar harapan kaola bagi mencadangkan pelaksanaan pendekatan *decentralisation of ecosystem*, ekosistem keusahawan menerusi penubuhan Pusat Satelit Ekonomi di setiap daerah. Pusat ini akan berperanan sebagai pusat sehati yang menyediakan perkhidmatan seperti pendaftaran perniagaan, latihan keusahawanan, bimbingan digital, pensijilan halal serta kemudahan akses, kemudahan akses kepada pembiayaan. Pendekatan ini sejajar dengan konsep *District Economic Specialisation* yang

membolehkan daerah membentuk kluster ekonomi tersendiri berasaskan potensi tempatan.

Inisiatif ini dijangka memberi impak kepada tiga kumpulan utama. Yang pertama, usahawan belia yang kini boleh mengakses peluang tanpa bergantung sepenuhnya kepada kemudahan di ibu negara. Yang kedua, perniagaan keluarga dan industri kecil termasuk *cottage industry* yang akan dibantu dari segi pengukuhan kapasiti dan daya saing eksport; dan Ketiga, komuniti setempat melalui pembentukan koperasi moden bagi mengurus aktiviti ekonomi bersama termasuk pengendalian kedai runcit dan produk 1 Kampung 1 Produk secara lebih tersusun dan bersepadu.

Dalam rangka kerja ini, kerjasama erat dengan pihak berkepentingan amat penting untuk memperkukuh ekosistem ekonomi tempatan. Sudah tiba masanya kita memperkasa pemilikan ekonomi rakyat dengan mengambil semula operasi perniagaan yang dikuasai warga asing tanpa memberikan peluang jelas kepada ekonomi tempatan.

Ini memerlukan strategi baharu yang lebih berdaya saing dan tersusun. Bukan sahaja bagi menjamin kelangsungan ekonomi negara, tetapi juga memastikan keberkesanan serta pemilikan ekonomi benar-benar berada di tangan rakyat. Segala usaha yang digariskan kepada pengukuhan institusi pelaburan, strategik sehingga kepada *decentralisation* ekonomi hanya akan

bermakna jika berpaksikan kepada rakyat.

Maka, apa jua yang kita bincangkan di dalam Dewan ini, sama ada berkaitan reformasi dasar, pelaksanaan belanjawan atau isu sosial, semuanya kembali kepada satu matlamat utama, meninggikan taraf hidup rakyat dan menjayakan Wawasan Brunei 2035. Setiap rakyat berhak menjadi penggerak utama pembangunan negara, bukan sekadar menerima manfaat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola ingin mengulangi bahawa segala teguran, pandangan dan cadangan yang dikemukakan atas dasar bertanggungjawab bersama dengan niat yang satu, insya Allah, untuk melihat Negara Brunei Darussalam menjadi lebih maju, sejahtera dan sentiasa dalam rahmat Allah. Marilah kita sama-sama bergerak ke hadapan, seiring dan sejalan untuk mencapai matlamat wawasan iaitu Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya, Kualiti Kehidupan yang Tinggi dan Ekonomi Negara yang Dinamik dan Berdaya Tahan. Izinkan kaola menutup ucapan ini dengan satu ungkapan, *alone we can do so little but together we can do so much*.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim (*doa dibaca*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita telah dapat hadir di Dewan yang mulia ini dan kaola merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kesempatan yang diberikan dalam ucapan penangguhan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan baginda membenarkan Mesyuarat Negara diadakan sebanyak dua kali setahun. Sesungguhnya, perkenan baginda ini amat besar maknanya kerana ia membolehkan perbahasan dilaksanakan lebih teratur dan menyeluruh di samping menyediakan lebih banyak ruang untuk membincangkan dasar-dasar negara yang menjadi perhatian rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Mesyuarat Negara merupakan platform tertinggi dalam membuat keputusan yang bersifat strategik dan memberi kesan jangka panjang kepada pembangunan negara. Kaola berharap mesyuarat ini tidak sekadar menjadi medan perbincangan, tetapi berfungsi sebagai asas kepada tindakan yang konkrit dan berkesan. Setiap keputusan dan resolusi yang dicapai hendaklah diterjemahkan kepada pelaksanaan yang penuh komitmen dan iltizam demi manfaat bersama, serta kemajuan berterusan organisasi dan negara kita.

Alhamdulillah, sepanjang Musim Permesyuaratan Pertama dan Kedua, kita telah banyak, kita telah membincangkan pelbagai isu penting yang menyentuh secara langsung kelangsungan pembangunan Negara Brunei Darussalam. Antara perkara utama yang jadi tumpuan termasuklah aspek pendidikan, infrastruktur, kesihatan, pengangguran, kemiskinan dan pembangunan ekonomi. Setiap aspek ini adalah saling berkait dan memerlukan pendekatan yang menyeluruh serta kerjasama bersepadu agar matlamat Wawasan Brunei 2035 dapat dicapai dengan jayanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Secara keseluruhannya, pendidikan di Negara Brunei Darussalam bukan sekadar instrumen pembelajaran, tetapi merupakan pelaburan jangka panjang negara untuk membina masyarakat berpengetahuan dan berdaya tahan

melalui dasar yang holistik dan berpandangan jauh. Brunei berada di landasan yang kukuh untuk mencapai aspirasi pendidikannya selaras dengan pembangunan negara yang mampan dan inklusif.

Dengan berjalannya pelaksanaan sistem integrasi, aspek kesejahteraan pelajar juga perlu diberi perhatian, terutamanya dari segi keselesaan mereka dalam menunaikan kewajipan ibadah. Hal ini lebih-lebih lagi penting bagi sekolah-sekolah di kawasan pedalaman, di mana masih terdapat pelajar yang kurang mendapat kemudahan dan ruang yang selesa untuk menunaikan solat. Oleh itu, penyediaan tempat ibadah yang khusus dan selesa amatlah wajar dipertimbangkan demi menyokong pembangunan sahsiah pelajar secara menyeluruh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kita semua menyedari bahawa kemajuan infrastruktur adalah asas kepada pembangunan negara yang mampan. Namun begitu, perbincangan telah menzahirkan kekusaran terhadap beberapa cabaran yang masih berlarutan. Antara projek pembinaan yang tertangguh, penyelenggaraan jalan raya yang kurang memuaskan terutamanya di kawasan luar bandar serta keperluan mendesak untuk mempertingkatkan prasarana digital di seluruh negara.

Perkara ini bukan sahaja menjejaskan kelancaran kehidupan harian rakyat, malah menghambat peluang pelaburan serta usaha untuk merapat jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Justeru itu, kita menyeru agar kementerian berkaitan mempercepatkan projek pelaksanaan projek infrastruktur strategik dan memastikan nilai untuk wang dalam setiap perbelanjaan pembangunan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam sektor kesihatan pula, telah menyentuh kepentingan memperkukuh sistem penjagaan kesihatan awam, laporan-laporan dan menunjukkan peningkatan penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, hipertensi dan penyakit jantung. Dalam masa yang sama, sistem kesihatan juga berdepan tekanan akibat kekurangan tenaga kerja profesional serta kemudahan kesihatan yang memerlukan penambahbaikan. Kita amat menghargai segala usaha yang telah digerakkan oleh Kementerian Kesihatan, namun lebih banyak langkah perlu diambil termasuk pelaburan dalam sumber manusia, pengemaskinian teknologi perubatan dan juga inisiatif pendidikan kesihatan awam yang lebih berkesan. Kesihatan rakyat adalah tanggung tunggak kesejahteraan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Meskipun Brunei Darussalam merupakan negara yang diberkati dengan kekayaan sumber, namun kemiskinan dalam bentuk yang pelbagai masih wujud dalam masyarakat kita. Isu perumahan yang tidak mencukupi, kos sara hidup yang meningkat serta ketidaksamaan dalam akses kepada peluang telah mencetuskan keprihatinan. Program Bantuan Kebajikan yang ada sangat dihargai namun keberkesannya perlu dinilai semula agar tidak hanya bersifat melegakan tapi benar-benar membantu rakyat keluar daripada kepupungan kemiskinan secara lestari. Kita perlu beralih daripada pendekatan bantuan semata-mata kepada pendekatan pemerkasaan yang berlandaskan maruah insan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya, berkenaan isu yang menyentuh nadi utama negara kita iaitu ekonomi. Dalam perbahasan kita jelas kelihatan kebimbangan terhadap kebergantungan kita kepada sektor minyak dan gas. Walaupun sektor ini masih memberikan hasil utama, kita tidak boleh alpa bahawa dunia sedang bergerak ke arah tenaga bersih dan kelestarian. Diversifikasi ekonomi bukan sekadar slogan, ia perlu menjadi realiti pelaburan dalam sektor teknologi, pertanian modern, pelancongan, industri halal harus dipergiatkan. Dalam masa yang sama, dasar fiskal negara harus bersifat bijaksana, berhemah dan tahan uji terhadap sebarang ketidaktentuan global.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Selaku pemimpin di peringkat akar umbi khususnya dalam konteks Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung merupakan platform rasmi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk memperkasakan penyertaan rakyat dalam pembangunan negara di peringkat mukim dan kampung. Dalam kerangka ini, Penghulu dan Ketua Kampung bukan sahaja bertanggungjawab mendengar rintihan dan masalah penduduk, malah memainkan peranan dalam sebagai pemudah cara dalam merancang, melaksana dan memantau projek pembangunan dan kesejahteraan komuniti. Namun, ianya perlu sokongan dan dukungan yang berterusan dari agensi-agensi yang berkaitan.

Majlis Perundingan Mukim dan Kampung akan terus mempergiat usaha menggalakkan penglibatan penduduk dalam inisiatif seperti Projek Satu Kampung Satu Produk. Projek ini bertujuan meningkatkan pendapatan penduduk mukim dan kampung melalui penghasilan produk tempatan yang berkualiti seperti yang ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bukan sahaja digalakkan menghasilkan produk seperti makanan kering dan kraftangan tetapi juga menerokai bidang peruncitan, perkhidmatan dan lain-lain perniagaan. Langkah ini penting bagi mengelak

monopoli warga asing di kampung-kampung.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dengan kepimpinan yang cekap dan berwawasan, penghulu dan ketua kampung mampu memastikan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bukan sekadar forum perbincangan tetapi menjadi platform yang benar-benar berkesan dalam menjana pertumbuhan ekonomi mukim dan kampung, memperkukuh jati diri masyarakat serta memastikan kebajikan semua lapisan penduduk terus terpelihara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebagai penutup kata, kaola dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kepimpinan yang cemerlang dalam menerajui sepanjang permesyuaratan ini berlangsung yang penuh tertib dan harmoni.

Kaola juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada Yang Mulia Jurutulis serta seluruh warga jabatan yang telah menunjukkan dedikasi dan komitmen tinggi dalam memastikan kelancaran dan kejayaan permesyuaratan ini. Semoga kita semua sentiasa dikurniakan taufik dan hidayah oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam melaksanakan serta memikul tanggungjawab yang diamanahkan demi mencapai kemajuan

negara sepertimana yang telah digariskan melalui Pelan Induk Wawasan Brunei 2035.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*). Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Alhamdulillah, kaola berterima kasih diberikan kesempatan untuk menyampaikan sumbangan penangguhan pada hari terakhir sesi kali ini. Terlebih dahulu, kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan yang penuh bijaksana serta kesabaran dalam memimpin dan menguruskan keseluruhan dua sesi Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara tahun ini, alhamdulillah.

Tahniah juga kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Mulia Jurutulis serta seluruh warga urus setia Dewan atas usaha berterusan dalam mengemaskinkan proses Majlis Mesyuarat Negara dan dengan penyertaan Majlis Mesyuarat Negara dalam *Inter-Parliamentary Union*, IPU dan *Commonwealth Parliamentary*

Association, CPA, insya Allah itu nanti akan membawa proses Dewan akan lebih seiring dengan amalan parlimen antarabangsa, insya Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Buat julung-julung kalinya Dewan ini berjaya mengadakan dua sesi dalam tahun yang sama. Ini adalah satu petanda positif menunjukkan kematangan institusi ini serta ketersediaan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membincangkan isu-isu rakyat dan menilai keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan secara terbuka. Alhamdulillah, sesi kedua ini kaola bersama rakan-rakan Ahli Yang Berhormat telah diberi peluang untuk membahaskan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 yang kini hanya berbaki sembilan tahun.

Kaola melihat ini sebagai satu titik bersejarah mencerminkan kematangan institusi ini menzahirkan keterbukaan agensi kerajaan untuk menyantuni isu rakyat secara lebih inklusif. Dengan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang berwibawa, perbincangan dalam Dewan yang mulia ini telah berlangsung dengan lancar, membahaskan dalam Dewan secara berparlimen calak Brunei, penuh bersemangat, permuzakarahan dengan muhibah, saling santun dan menghormati walaupun berbeza pendapat dengan matlamat yang sama, membina negara yang berwawasan.

Kaola berpandu kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Pembukaan Majlis Mesyuarat Ke-21 pada bulan Mac lalu, adalah jelas peranan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk membahaskan perkara-perkara utama termasuk memberikan maklum balas terhadap sesuatu dasar kerajaan supaya benar-benar menghasilkan impak positif terhadap kesejahteraan rakyat. Inilah amanah yang kaola junjung dalam setiap sesi persidangan, satu tanggungjawab yang kaola bawa untuk membawakan suara dan isu rakyat ke dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah, Dewan ini telah menjadi medan mencabang pemikiran dan bertukar pandangan secara terbuka. Kita mungkin berbeza pendapat, masing-masing melalui cermin *bias* dengan data atau maklumat yang dimiliki. Kaola berharap penuh perbezaan itu dirayai *embracing our differences* dalam semangat saling menghormati kerana matlamat kita tetap satu dengan sistem semak dan imbang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama antara kita ke arah mencapai hasrat negara secara bersabar. Demi memastikan masa depan anak cucu-cicit generasi hadapan akan terus dapat menikmati rezeki luas di bumi bertuah Brunei Darussalam ini.

Kaola akur bahawa kita semua memikul tanggungjawab untuk memastikan perjalanan menuju matlamat Wawasan Brunei 2035 berjalan seiring dan

sehaluan. Kaola juga akur bahawa sebagai Ahli Yang Dilantik, kaola tidak memiliki instrumen pelaksanaan atau mana-mana fiskal ataupun kuasa eksekutif untuk melaksanakan mana-mana dasar kerajaan. Namun begitu, peranan kaola dan Ahli-Ahli Yang Dilantik tetap sama penting sebagai penyampai suara rakyat mencerminkan realiti masyarakat akar umbi serta menghubungkan antara dasar kerajaan dengan kefahaman rakyat secara tulus dan bertanggungjawab.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Sepanjang dua sesi ini, kaola bersama rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tidak segan mengetengahkan pelbagai isu daripada kesukaran anak muda mendapatkan pekerjaan, ketidakpadanan antara gaji dan kelulusan, pelaksanaan Skim Bantuan Kebajikan agar selari dengan prinsip Maqasid Al-Syariah, keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam hingga kepada cabaran kelangsungan pengusahaan tempatan dan kestabilan ekonomi negara.

Namun kaola masih berpendapat bahawa keperluan asas rakyat perlu disantuni dan tidak boleh diketepikan dalam kegigihan kita melaksanakan amanah, agar ia mendapat perhatian yang sewajarnya daripada agensi-agensi kerajaan. Walaupun kita tidak bersetuju dengan pandangan yang dibawa sekurang-kurangnya ambil masa untuk menilai, *seeking to understand the differences*, bukan untuk menuding jari

tetapi untuk mencari penyelesaian yang memberi manfaat bersama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kita fahami bahawa negara masih menghadapi belanjawan tahunan yang defisit. Kaola akur, banyak usaha telah dan sedang diusahakan untuk mengimbangi isu ini. Kaola percaya bahawa dengan hanya sembilan tahun yang tinggal sebelum 2035, kita perlu bersikap lebih realistik dan memfokus dalam perlaksanaan. Seperti yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan dan Ekonomi II, tempoh lima tahun yang akan datang adalah tempoh yang amat signifikan dan kritikal.

Seperti yang kaola telah cadangkan agar sisa sembilan tahun pelaksanaan wawasan dibahagikan kepada tiga fasa setiap 1 ke 3 tahun. Ini akan memberi sasaran yang lebih jelas, pemantauan berkala dan pelaporan berasaskan hasil. Ini akan memastikan setiap perancangan jangka pendek dan sederhana dapat disampaikan secara lebih berkesan dan bertanggungjawab dan tanpa menunggu sehingga tahun 2035 untuk mengetahui keberkesanannya.

Di dalam dewan ini, kaola telah memberi perhatian kepada isu *functional illiteracy* dan jurang pencapaian yang ketara antara pencapaian di tingkat PSR dan kemajuan sehingga pasca '*O' level*' dan seterusnya, dengan pangkalan data perkhidmatan yang luas, kaola dan rakyat penuh harapan pihak pendidikan akan membuat penganalisaan

penganalisis punca sebenar jurang ini dan mengambil tindakan yang sewajar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Selain itu, kaola mengakhiri penjelasan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil langkah yang positif untuk peningkatan kadar penyertaan tenaga kerja tempatan. Namun, isu yang dibangkitkan mengenai fenomena Ali Chandran dan jumlah besar pemegang Lesen Pekerja Asing, *Work Permit Holder* masih memerlukan satu pendekatan yang berbeza untuk memastikan sumbangan mereka ke arah ketumbuhan ekonomi negara. Statistik positif tidak seharusnya menutup hakikat bahawa dalam sektor tertentu didominasi oleh orang asing walaupun pemilik lesen berdaftar atas nama rakyat tempatan. Begitu juga kaola ambil baik, mendengar, ada sudah pelan untuk memastikan penggantian tenaga kerja pekerja asing secara berperingkat dengan perkerja tempatan.

Mohon pelan ini akan diumumkan jika ia sudah selesai. Langkah ini penting untuk memastikan dasar *localisation* benar-benar terzahir di lapangan tertentu dan dirasakan oleh rakyat. Indikator paling utama yang akan diukur ialah angka *employment*, adakah kita mampu memberi pekerjaan kepada anak-anak kita? Kaola menghargai penjelasan Kementerian Kewangan dan Ekonomi berhubung langkah-langkah yang telah di ambil dalam usaha memperkukuh kefahaman pengguna terhadap Sistem TAFIS 2.0. Namun, kaola ingin

menegaskan bahawa kelewatan pembayaran bukan sekadar isu teknikal atau kemahiran pengguna tetapi merupakan masalah aliran tunai yang memberi kesan kepada kelangsungan peniaga *vendor* yang mengharapkan *cash flow* dari kerajaan.

Justeru, selain penambahbaikan proses, mungkin indikator yang perlu dipantau bukan berapa banyak inbois yang diproses tetapi berapa lama proses itu diambil dan berapa banyak ianya diproses dalam waktu yang ditetapkan. Mungkin sudah wajar ada jaminan dasar yang lebih kukuh seperti penempatan tempoh masa pembayaran selepas inbois lengkap diterima.

Mohon sedikit masa tambahan, terima kasih.

Mudah-mudahan segala hasrat murni kita dalam Dewan ini diredhai Allah dan usaha kita semua dirahmati serta memberi kesan yang positif dan produktif kepada Negara Brunei Darussalam, bangsa dan agama yang kita sama-sama cintai ini. Sebagai penutup menyokong Usul Penangguhan, kaola mohon maaf atas segala kekurangan kalau ada di sepanjang persidangan ini dan ingin merakamkan sekali lagi penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pihak urusan setia dewan, urus setia dewan, terima kasih juga kepada media yang bertungkus lumus membuat laporan dengan harapan akan terus berperanan menyampaikan isu-isu yang dibangkitkan dalam Dewan dengan saksama agar rakyat yang tidak

berkesempatan mengikuti sesi dalam Dewan ini akan tahu bahawa isu mereka sudah pun dibangkitkan di dalam Dewan walaupun belum dibahaskan dan belum dijawab dalam Dewan.

Sesungguhnya yang baik itu daripada Allah jua manakala yang kurang baik itu adalah daripada kelemahan kaola sendiri. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih pengerusi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong.

Yang Berhormat Awang Mohammad

Ali bin Tanjong: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, *(doa dibaca)*. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya Majlis Mesyuarat Negara ke-21 dapat dijalankan dengan lancar dan tertib, yang mana sepanjang tempoh persidangan ini kata sepakat telah pun dicapai dalam semua perkara khususnya dalam membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026 bagi semua kementerian-kementerian.

Kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas kepimpinan dan

bimbingan sepanjang perjalanan mesyuarat ini. Kaola juga ingin merakamkan penghargaan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri di atas penjelasan-penjelasan yang diberikan pada menjawab pertanyaan-pertanyaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Tidak dilupakan kepada semua rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan komitmen tinggi, kesungguhan serta sikap bertanggungjawab dalam membahaskan pelbagai isu berkaitan rakyat dan negara.

Kaola menyokong penuh dan menyahut baik peruntukan belanjawan yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini dan mengharap ianya digunakan dengan berhemah mengikut keperluan yang telah dirancang. Bermula tahun ini, Majlis Mesyuarat Negara telah bersidang sebanyak dua kali dalam setahun dalam keadaan situasi yang harmoni. Perkembangan ini menunjukkan usaha-usaha untuk meningkatkan keberkesanan perbincangan dasar dan penyampaian cadangan kepada pihak kerajaan secara lebih berkala.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola, selaku Ahli Majlis Mesyuarat Yang Dilantik selaku pemimpin akar umbi dengan penuh hormat menyokong Usul Penangguhan Majlis Mesyuarat Negara ke-21 dengan mengambil kira beberapa perkara penting yang telah dibincangkan sepanjang persidangan Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun ini.

Pertama, peruntukan bajet dan penggunaannya secara berhemah. Dalam sesi pertama Pemesyuaratan ke-21, tumpuan utama telah diberikan kepada pembentangan bajet negara yang merupakan dokumen dasar fiskal paling penting dalam perancangan pembangunan negara. Di sini kaola ingin menekankan keperluan supaya setiap perbelanjaan yang diperuntukan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berhemah selaras dengan prinsip ketelusan, kecekapan dan keberkesanan.

Dalam suasana ekonomi global yang mencabar dan keperluan pengurusan kewangan awam yang berhemah, kita tidak boleh mengambil ringan terhadap pengagihan sumber. Oleh itu, kaola menyokong sepenuhnya gesaan agar pihak-pihak berkaitan memastikan perlaksanaan bajet bukan sahaja memenuhi keperluan rakyat malah memberikan ulangan ekonomi dan sosial yang mampan kepada negara. Selain itu, cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli mengenai pelbagai aspek dasar dan perkhidmatan awam juga wajar diberikan perhatian serius oleh pihak eksekutif. Kita berharap ianya tidak sekadar menyediakan rekod mesyuarat tetapi benar-benar dilaksanakan demi manfaat bersama.

Kedua, Usul keahlian Ahli Majlis Mesyuarat Negara ke IPU dan CPA dalam sesi kedua pemesyuaratan telah dibentangkan satu Usul penting yang melibatkan penyertaan dan keahlian Ahli Majlis Mesyuarat Negara

dalam Badan Antara Parlimen iaitu *Inter-Parliamentary Union*, IPU dan *Commonwealth Parliamentary Association*, CPA.

Usul ini mencerminkan hasrat negara untuk lebih terlibat secara aktif dalam diplomasi antara parlimen sekaligus memperkukuhkan peranan Majlis Mesyuarat Negara di peringkat antarabangsa. Dengan penglibatan dalam platform-platform ini, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan dapat memperluas rangkaian dan kerjasama dengan institusi perundangan negara lain memperoleh pengetahuan amalan terbaik, *best practices* dalam pengubahan dasar. Meningkatkan keupayaan dalam mengenal pasti isu global yang juga memberi kesan kepada negara. Penyertaan ini secara tidak langsung akan meningkatkan keupayaan institusi perundangan negara kita dan menyumbang kepada pembangunan dasar yang lebih menyeluruh dan berpandangan jauh.

Ketiga, Matlamat Wawasan Brunei 2035. Turut diketengahkan dalam sesi kedua iaitu Usul berkaitan Wawasan Brunei 2035 yang menjadi aspirasi utama negara untuk membina sebuah negara berpendidikan tinggi dan berkemahiran, ekonomi yang dinamik dan berpendapatan tinggi dan berkualiti hidup. Sebagai sebuah dokumen dasar yang menjadi panduan hala tuju pembangunan negara, Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama menyeluruh antara semua institusi dalam memastikan dasar dan inisiatif yang

dilaksanakan benar-benar selari dengan matlamat tersebut. Kaola percaya bahawa dengan pengurusan bajet yang berhemah, penglibatan antarabangsa yang strategik dan tumpuan kepada pembangunan jangka panjang melalui Wawasan Brunei 2035, negara kita akan terus maju secara mampan dan inklusif.

Apa yang penting untuk memastikan bahawa segala dasar strategik dan pelaksanaan yang dirancang tidak hanya bersifat jangka pendek tetapi dapat bertahan lama, relevan dan memberi impak positif secara berterusan. Semoga kita semua terus diberikan kekuatan dan iltizam untuk meneruskan amanah dan tanggungjawab yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita.

Untuk mengakhiri, sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Mulia Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dalam membantu mengendalikan persidangan ini serta juga kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis Mesyuarat Negara yang telah bekerja keras dan bertungkus lumus untuk memastikan persidangan dapat diadakan dengan teratur.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Pertama sekali, kaola ingin menjunjung kasih setinggi-tingginya kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan baginda dalam memperkukuhkan Majlis Mesyuarat Negara. Titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi yang lalu menandakan keyakinan baginda terhadap kemampuan MMN sebagai platform perbincangan dasar suara rakyat dan ruang semak imbang.

Sebagai Ahli Yang Dilantik, kaola merasakan pengalaman kali ini dari mesyuarat pertama hingga mesyuarat kedua benar-benar mencabar dan memperkasa bukan setakat menyumbangkan pandangan dalam bidang kepakaran tetapi juga memperluas pemahaman terhadap keseluruhan jentera dasar dan tadbir urus negara.

Dalam kapasiti kaola sebagai seorang terlibat secara langsung dalam Sektor Makanan dan Pertanian, kaola ingin sekali lagi menarik perhatian kepada kepentingan sekuriti makanan yang juga telah dibincangkan dalam persidangan ini. Isu ini bukan sahaja berkait dengan ekonomi tetapi menyentuh kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara secara menyeluruh.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai pertumbuhan kemajuan Sektor Bukan Minyak Dan Gas adalah suatu galakan yang perlu diterjemahkan kepada tindakan konkrit termasuk dalam memperkasa Sektor Makanan Negara.

Kaola percaya bahawa untuk memastikan kejayaan dalam bidang ini, kita memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan semua *stakeholders* daripada kementerian, pengusaha, institut kewangan, penyelidik hingga kepada pengguna. Kita perlu merancang bukan sahaja untuk pengeluaran tetapi juga soal memproses pemasaran eksport dan membangunkan tenaga kerja dalam bidang ini. Oleh demikian, sokongan kepada pengusaha tempatan khususnya *agropreneurs* dan pengusaha perusahaan makanan perlu ditingkatkan lagi dengan pendekatan yang lebih menyeluruh dan berdaya saing.

Dalam konteks keusahawan pula, kaola berharap agar persekitaran perniagaan domestik terus diperkukuh termasuk penyerahan prosedur penyelarasan peraturan dan wujudnya ruangan perniagaan yang lebih inklusif terutama dalam peniaga kecil dan sederhana. Kita perlu memberi perhatian kepada *ease of doing business* yang benar-benar memberi kesan kepada usahawan bukan hanya dalam bentuk dasar. Sepanjang persidangan ini juga pelbagai pandangan dan cadangan telah dibawa oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dari pelbagai latar

belakang yang memperlihatkan betapa pentingnya kepelbagaian suara dan mencerminkan realiti rakyat.

Sebagai seorang Ahli Yang Dilantik, kaola mengambil maklum bahawa amanah ini bukan sekadar untuk membawa kepakaran dalam satu bidang tetapi juga menyumbang secara menyeluruh kepada kesejahteraan dan masa depan negara.

Kaola ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan yang bijaksana dalam mempengerusikan persidangan ini dengan penuh tertib dan profesional serta kepada Yang Mulia Jurutulis, semua kementerian dan pihak urusetia yang telah memberikan kerjasama terbaik dalam memastikan kelancaran dan keberkesanan persidangan.

Menjunjung kasih sekali lagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas segala titah dan kepimpinan baginda yang menjadikan panduan bukan sahaja dalam persidangan ini tetapi juga dalam memacu hala tuju negara ke arah negara yang lebih berdaya tahan dan makmur.

Semoga baginda dan keseluruhan kerabat diraja sentiasa dikurniakan kesihatan dan kekal qarrar memerintah atas singgahsana. Sekaian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira adalah sesuai sekarang bagi kita untuk berehat selama lima belas minit, insya Allah kita akan menyambung semula mesyuarat ini nanti.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Majlis mesyuarat kita sambung semula dan saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola/saya hormati sekalian. Ucapan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas kepintaran mengendalikan dengan sabar persidangan kedua ini dengan baik dan teratur. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Yang Mulia Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan Yang Mulia Pemangku Penolong Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara serta pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas memastikan persidangan di Dewan yang mulia ini sentiasa berjalan dengan lancar.

Kaola juga ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat atas komitmen bersama dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan demi memastikan semua agenda pembangunan negara dapat digerakan dengan jayanya, insya Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Untuk memastikan pembangunan negara berjalan dengan lancar, pelaksanaan harus mengikut jadual dan tadbir urus yang telus dan amanah. Kualiti perkhidmatan awam bergantung kepada integriti dan akauntabiliti penjawat awam serta mutu penyampaian yang memenuhi kehendak rakyat. Penambahbaikan tadbir urus perlu diberi keutamaan terutama menghadapi cabaran alaf baru.

Amalan kerja profesional dan budi bicara penting bagi mengelakkan kelewatan dan kerugian. Isu fail bertindih dan status KIV perlu dikurangkan melalui pengurusan lebih cekap. Penyalahgunaan kuasa harus ditangani dengan serius dan sikap terbuka terhadap kritikan membina perlu dipupuk untuk budaya kerja produktif.

Dasar kenaikan-kenaikan pangkat berasaskan prestasi cemerlang harus dilaksanakan secara adil untuk memotivasi dan meningkatkan kualiti pentadbiran kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Bedasarkan Dewan Ekonomi, industri halal kini berkembang pesat di pasaran global dengan nilai dijangka mencecah hampoir USD 5 trilion menjelang 2030. Negara-negara jiran seperti Indonesia dan Malaysia telah menjadi pembekal utama produk halal di peringkat antarabangsa. Oleh itu, negara kita perlu memberi tumpuan serius terhadap potensi besar ini sebagai peluang untuk bersaing di peringkat serantau dan *global*. Negara Brunei Darussalam yang berpegang teguh pada konsep Melayu Islam beraja dan mengamalkan agama Islam dengan penuh penghormatan, pastinya memiliki keistimewaan sebagai potensi besar dalam menerajui industri halal. Keunikan dan nilai-nilai murni ini menjadai asas kukuh untuk memacu pembangunan industri halal yang berdaya saing di peringkat serantau dan antarabangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Usul Wawasan Brunei 2035 yang dibentangkan sangat bermakna, selari dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai status negara maju menjelang 2035. Sebagai rakyat, kita wajib menyokong dan menyumbang kepada pelaksanaan wawasan ini. Sumbangan bukan saja dalam bentuk kewangan tetapi lebih utama adalah niat dan keikhlasan kita untuk terus memberikan komitmen secara konsisten demi memajukan negara tercinta.

Benar kata orang, jangan tanya apa sumbangan negara kepada kita, tapi tanyalah diri sendiri, sudahkah kita memberi sumbangan yang sebaliknya kepada negara?

Selain itu, kaola ingin menekankan isu kebersihan yang masih memerlukan perhatian serius walaupun negara kita sering digambarkan bersih, masih terdapat amalan pembuangan sampah sembarangan dan penyelenggaraan kawasan awam kurang memuaskan. Kaola menyokong penguatkuasaan undang-undang secara tegas terhadap pesalah dan menyeru agar kempen kesedaran kebersihan diperhebatkan di sekolah, mukim dan kampung. Program gotong-royong bersepadu juga perlu dihidupkan kembali dengan melibatkan semua pihak demi memupuk budaya menjaga kebersihan sebagai amalan harian masyarakat.

Semoga dengan pendekatan bersepadu ini kita bukan saja dapat memelihara keindahan alam sekitar tetapi juga menyemai budi kebersihan sebagai sebahagian daripada identiti rakyat Brunei.

Akhirnya kaola amat berharap agar lebih banyak inisiatif yang inklusif dan bersasar dapat diketengahkan oleh pihak-pihak berkepentingan khususnya pihak kerajaan. Dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat, usaha-usaha ini diharap dapat membentuk rakyat yang berdaya saing, berdikari, berilmu serta bersedia menghadapi cabaran masa depan dengan cabaran

tertentu namun ini bukan halangan untuk kita terus bergerak maju dengan usaha bersama dan komitmen tinggi.

Semoga segala perancangan dan pelaksanaan yang digerakkan akan membawa kepada sebuah negara yang makmur, stabil dan lestari selaras dengan aspirasi menuju Wawasan Brunei 2035. Sebelum kaola mengakhiri ucapan penangguhan di Dewan yang mulia ini, izinkan kaola sudahi dengan serangkap pantun.

Terima kasih atas perhatian,
Semoga rahmat sentiasa bersama,
Marilah kita teruskan tindakan.
Membangun negara kita tercinta.

Sekian. Wabillahit taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali
bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih
Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
Bismillahir Rahmanir Rahim.
(*doa dibaca*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan
Ahli-Ahli Yang Berhormat.
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan salam sejahteria. Kita
bersyukur dengan izin Allah Subhanahu
Wata'ala kerana telah dapat
bersidang selama lima hari
dalam Mesyuarat Kedua Dari Musim

Permesyuaratan Ke-21 bagi tahun
2025/2026.

Terlebih dahulu kaola ingin menjunjung
kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam atas perkenan
persidangan diadakan dalam dua fasa.
Perubahan ini mencerminkan keyakinan
baginda terhadap kematangan institusi
parlimen negara. Dengan adanya
persidangan dua kali setahun, Dewan
yang mulia ini kini mempunyai ruang
yang lebih luas dan fokus untuk
membincangkan serta membahaskan
isu-isu negara demi kepentingan rakyat
dan pelaksanaan rancangan kerajaan
secara menyeluruh dan terperinci.

Seterusnya kaola merakamkan ucapan
tahniah dan penghargaan yang setinggi-
tingginya atas kepimpinan dan
kebijaksanaan serta kesabaran Yang
Berhormat Yang Di-Pertua sepanjang
mesyuarat ini dengan teratur, sistematik
dan sempurna. Terima kasih kepada
Yang Mulia Datin Paduka Dr. Dayang
Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya
Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji
Hurairah, Jurutulis Majlis Mesyuarat
Negara dan semua pegawai dan
kakitangan Jabatan Majlis-Majlis
Mesyuarat atas kecekapan dan
kerjasama yang diberikan sepanjang
persidangan ini.

Kaola juga ingin merakamkan
penghargaan kepada semua Yang
Berhormat Menteri-Menteri yang telah
memberikan maklum balas dan

penjelasan sepanjang persidangan ini. Jawapan-jawapan yang disampaikan bukan sahaja memberi pencerahan terhadap persoalan yang dibangkitkan malah membantu memperkukuh kefahaman bersama isu-isu strategik negara.

Lebih penting lagi soal jawab dan perbahasan kali ini telah berlangsung dalam semangat falsafah Melayu Islam Beraja yang mengajar kita untuk berlapang dada, menerima perbezaan pandangan, berhujah dengan adab dan kesantunan serta sentiasa meletakkan kepentingan rakyat dan negara sebagai panduan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Dengan penaiktarafan status dalam badan-badan seperti *Inter-Parliamentary Union* dan *Commonwealth Parliamentary Association* pada pemerhati kepada alih penuh adalah satu pengiktirafan antarabangsa terhadap kematangan institusi parlimen negara. Perkembangan ini juga mencerminkan kesungguhan Negara Brunei Darussalam untuk menyumbang secara bermakna dalam menangani cabaran global melalui pendekatan diplomasi parlimen yang berprinsip, inklusif dan konstruktif.

Yang Behormat Yang Di-Pertua.

Bagi ucapan penangguhan kali ini, kaola ingin menumpukan perhatian kepada berapa teras utama yang telah kaola bangkitkan sepanjang persidangan ini. Pertama, keperluan meningkatkan

kecemerlangan perkhidmatan awam sebagai barisan hadapan pembangunan negara. Kedua, keupayaan belia dan graduan bukan teknikal selaras dengan *blueprint* pembangunan; dan Ketiga, kelancaran ekosistem perniagaan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi inklusif.

Semua ini kaola bawa dalam semangat menyokong pencapaian Wawasan Brunei 2035 yang berkesan dan memberi impak yang nyata kepada rakyat. Dalam sektor awam, kaola menekankan bahawa kejayaan Wawasan Brunei 2035 amat bergantung kepada kecekapan dan integriti perkhidmatan awam sebagai barisan hadapan pembangunan negara.

Namun lebih separuh agensi kerajaan masih kekal pada tahap prestasi yang rendah, sesuatu yang memerlukan tindakan pemulihan segera. Langkah ini perlu disokong oleh audit bebas serta garis masa pelaksanaan yang jelas bagi memastikan mutu penyampaian perkhidmatan awam benar-benar memenuhi harapan rakyat.

Dari segi kelestarian perniagaan, kaola turut memberi penekanan kepada keperluan mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif. Isu seperti kelewatan pelaksanaan projek, proses pensijilan halal yang memakan masa terlalu lama dan halangan birokrasi lain perlu diatasi segera. Langkah ini penting bagi memastikan potensi ekonomi negara dapat berkembang sepenuhnya tanpa terikat dengan

kekangan prosedur yang melambatkan kemajuan.

Dalam musim persidangan kali ini, kita telah diberi ruang yang lebih luas untuk membahaskan isu-isu negara serta *blueprint-blueprint* yang menyokong matlamat Wawasan Brunei 2035 secara panjang lebar. Ini memberi peluang untuk membincangkan dan mendalami bukan sahaja cabaran yang dihadapi tetapi juga mencari penyelesaian yang realistik dan boleh dilaksanakan. Sesi ini telah membuktikan bahawa apabila ruang masa dan platform yang tepat disediakan, Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan pandangan yang lebih menyeluruh dan strategik demi kepentingan rakyat serta kemajuan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Dalam perbahasan Wawasan Brunei 2035, kaola telah menyentuh dengan penuh kesedaran bahawa kejayaan matlamat negara bukan sahaja bergantung kepada kekuatan sektor teknikal tetapi juga kepada keupayaan kita mengangkat potensi graduan bukan teknikal. Mereka ini mempunyai peranan besar dalam membentuk ekosistem ekonomi yang lebih bernilai tambah khususnya dalam bidang seperti ekonomi halal, pelancongan budaya, pendidikan dan ekonomi beretika.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola sukacita menarik perhatian berkenaan dengan pendekatan *whole of*

nation yang sering kita sebut dalam persidangan ini. Pendekatan ini bagi kaola mestilah diamalkan secara menyeluruh bukan sekadar ditorek atau slogan.

Kejayaan Wawasan Brunei 2035 memerlukan penglibatan yang ikhlas dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak. Kita tidak boleh hanya *talk the talk* tetapi wajib *walk the talk* agar setiap dasar mencerminkan semangat kebersamaan dan nilai-nilai yang kita junjung bersama. Apabila semua terlibat dalam memberi input dalam membuat dasar dan keputusan, maka ada rasa kepunyaan dan tanggungjawab bersama, *collective responsibility*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kita perlu bergerak dari peringkat perancangan kepada pelaksanaan yang menyeluruh dan konsisten. Sudah tiba masanya kita bertanya dengan jujur, berapa banyak daripada pelan yang telah dirangka benar-benar sampai kepada rakyat? Dengan hanya lebih kurang sembilan tahun berbaki sebelum menjelang tahun 2035, boleh kaola sambung Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekejap? (*Yang Berhormat Yang Di-Pertua menganggukkan kepala tanda bersetuju*) Nampak dan terasa bahawa masa bergerak dengan pantas. Pelan demi pelan telah dihasilkan untuk Wawasan Brunei 2035 dan pelbagai *blueprint* strategik dibuat, namun rakyat tidak menilai pelan. Mereka memilih hasil yang boleh dirasai dan dilihat.

Sebelum kaola berundur, kaola memohon ampun dan maaf jika ada tutur kata yang kurang manis dan menyinggung perasaan Ahli-Ahli Yang Berhormat serta sorok langkah yang kurang sopan. Yang baik itu adalah datang dari Allah Subhanahu Wata'ala dan segala kekurangan itu adalah datang dari kaola sendiri.

Akhirnya, kaola memohon doa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta keluarga, kerabat baginda sentiasa dalam rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, dikurniakan kesihatan dan kebijaksanaan serta dilanjutkan usia untuk terus memimpin negara, semoga Negara Brunei Darussalam kekal aman makmur dan diberkati di dunia dan akhirat.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola, saya hormati sekalian.

Syukur alhamdulillah atas limpah dan izin-Nya, saya diberikan kesempatan untuk menghadiri Mesyuarat Kedua bagi Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara yang telah berlangsung dalam suasana yang harmoni, penuh semangat, kerjasama serta kaya dengan pertukaran ilmu dan pengetahuan. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas pimpinan yang berwibawa dalam mengendalikan persidangan ini dengan penuh kejayaan. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Yang Mulia Jurutulis, Penolong Jurutulis serta seluruh warga kerja Majlis Mesyuarat Negara yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang dalam menyelaraskan perjalanan persidangan ini dengan teratur dan lancar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Isu kenaikan harga barang pada masa ini sering menjadi topik perbincangan dalam kalangan rakyat kerana ia memberikan kesan langsung terhadap kos sara hidup harian. Keadaan ini menjadikan lebih membebankan apabila mengambil kira bahawa negara kita banyak bergantung kepada barangan import dari luar negara termasuk barang mentah yang menjadi keperluan asas harian. Sebagai langkah mengawal perbelanjaan, kita perlu mengamalkan gaya hidup jimat cermat dengan berbelanja mengikut keperluan.

Dari sudut ekonomi, kenaikan harga barang boleh menyumbang kepada

pertumbuhan ekonomi negara termasuk memberikan peluang keuntungan kepada peniaga dan pengusaha tempatan namun pengguna tetap bijak memilih barang berkualiti dengan harga berpatutan. Kerajaan perlu sentiasa memantau kemasukan barang murah yang tidak selamat dan berpotensi membahayakan pengguna.

Kaola menyokong usaha pihak berkaitan memberikan peringatan kepada orang ramai tentang pentingnya berhati-hati ketika membeli atau mengimport barang secara berterusan melalui siaran televisyen. Langkah ini juga perlu dipertingkatkan dengan memantau secara langsung melalui kaedah turun padang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Dalam merancang kemajuan negara, aspek kesaksamaan perlu menjadi keutamaan terutama dalam memastikan pembangunan luar bandar tidak ketinggalan dalam arus kemajuan. Usaha ini adalah penting sebagai sebahagian daripada langkah strategik ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Pembangunan luar bandar yang seimbang penting untuk mengurangkan jurang bandar dan luar bandar dan memastikan manfaat pembangunan dinikmati seluruh negara termasuk aspek kesihatan, infrastruktur, teknologi dan kemudahan awam.

Pelan strategik ini perlu dijangka untuk merencanakan semula kawasan pedalaman yang mengalami penyusutan

populasi akibat penghijrahan ke kawasan baharu seperti Skim Perumahan Negara.

Usaha bersepadu perlulah menarik kembali penduduk terutama golongan muda dengan sokongan infrastruktur, peluang ekonomi dan kemudahan moden melalui langkah pemberian insentif kediaman iaitu subsidi pembinaan, pembaikan rumah dan pemotongan bayaran utiliti untuk penduduk di kawasan pedalaman melalui Skim Perumahan Negara baharu di kawasan kemajuan luar bandar.

Ini merupakan salah satu matlamat utama dan memastikan keselesaan rakyat secara menyeluruh. Bagi mencapai sasaran tersebut, pihak kerajaan hendaklah melaksanakan beberapa inisiatif strategik terutama usaha meramaikan semula kawasan luar bandar melalui pembangunan perumahan yang terancang dan bersepadu. Langkah ini bukan sahaja bertujuan untuk menyediakan kediaman yang selesa dan mampu milik, maka juga untuk menghidupkan semula komuniti kampung yang semakin menyusut akibat penghijrahan ke kawasan perumahan baharu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola menegaskan kepentingannya meningkatkan keselamatan jalan raya khususnya dalam penyediaan dan penyelenggaraan papan tanda arah jalan. Banyak papan tanda yang di kawasan swasta tidak diselenggarakan dengan baik menyebabkan kekeliruan

dan risiko kemalangan. Langkah ini penting untuk memastikan kelancaran trafik dan mencegah kemalangan sejajar dengan peningkatan jumlah pengguna jalan raya demi keselamatan dan kesejahteraan semua.

Kaola mencadangkan. Pertama, lakukan audit dan pemantauan berkala terhadap papan tanda termasuk di kawasan swasta. Kedua, tetapkan garis panduan dan tanggungjawab menyelenggarakan bagi pemilik premis. Dan ketiga, galakkan penggunaan papan tanda pintar atau reflektif yang tahan cuaca dan mudah dilihat terutama waktu malam.

Sementara itu, berkenaan dengan tempat rekreasi yang semakin popular untuk aktiviti sehat seperti *hiking* dan juga berjalan santai namun aspek keselamatan perlu diberikan perhatian. Pemantauan dan penyelarasan berterusan dari pihak berkaitan penting untuk memperkukuhkan keselamatan tempat rekreasi bagi kesejahteraan penduduk.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Sebelum menutup Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara 2025 meluluskan beberapa usul termasuk Usul Wawasan Brunei 2035 yang mana penting sebagai proses timbangtara untuk mematangkan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing demi kemajuan negara dan rakyat secara bersepadu, bak kata

pepatah melayu 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

Akhir kata, di kesempatan ini, saya dengan penuh rendah hati memohon maaf, sekiranya terdapat sebarang kesilapan sepanjang persidangan ini sama ada yang disedari mahupun yang tidak. Kaola juga memohon agar segala pandangan dan suara-suara yang disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan untuk tindakan yang berpatutan demi kepentingan rakyat dan negara.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan: Alhamdulillah. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, selawat teriring salam kita panjatkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam junjungan kita, kepada keluarga Baginda serta sahabat-sahabat Baginda seluruhnya. Semoga kitani termasuk orang-orang yang akan mendapat syafaat baginda di yaumul akhir nanti. Amin. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia kesihatan dan jua kesejahteraan yang diberikannya, membolehkan kitani sama-sama hadir bermesyuarat dari hari Isnin lalu hingga ke hari ini.

Kaola dengan penuh hormat dan takzim, sukacita merakamkan ucapan tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kewibawaan dalam menerajui dan memimpin permesyuaratan di Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara dengan sungguh lancar, dan teratur dan efisien. Tahniah setinggi-tingginya diucapkan kepada yang berusaha Yang Mulia Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis Mesyuarat Negara atas penyelenggaraan perjalanan mesyuarat yang kemas dan teratur dan atas kerjasama dan bantuan yang diberikan kepada kaola dan rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat semuanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terima kasih jua kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri kerana telah dengan sabar, memberi pencerahan dan jua jawapan kepada pertanyaan ataupun saranan dari pihak biskaola, Ahli-Ahli Yang Dilantik. Mohon maaf jua kerana mungkin ada kata-kata ataupun bahasa

yang abiskaola gunakan tidak menepati tujuan malah menyentuh emosi.

Bagi abiskaola pemimpin akar umbi akan sentiasa membuka mata dan telinga dan sama-sama turun berlumpur dan berdebu, berbasah dan berkering dengan masyarakat untuk melihat dan mendengar keluhan dan kehendak mereka untuk sama-sama dikelinga dan dibincangkan bagi mencari penyelesaiannya. Jika masalah tersebut dapat diselesaikan dalam kapasiti abiskaola, insya Allah akan abiskaola selesaikan sendiri dan jika ianya di luar kapasiti abiskaola, di sinilah abiskaola akan berurusan dengan agensi-agensi yang berwajib walau adakalanya abiskaola pemimpin akar umbi menjadi bola ping pong, ditolak kesana kemari dan akan tetapi abiskaola hadapi jua demi memeduli dan mengelinga masalah masyarakat yang abiskaola wakili. Tidak dinafikan juga, adakalanya abiskaola menjadi bola di dalam permainan bola sepak direbut oleh pemain-pemain untuk mencatat gol.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Menyentuh mengenai Wawasan Brunei 2035, kaola amat positif jika kita berusaha dengan penuh komitmen untuk mencapai matlamat melalui *whole of government* dan *whole of nation* berlandaskan kepada tiga *blueprint* yang telah dilakar, Insya Allah kita akan mencapai Wawasan Brunei 2035 dengan jayanya.

Sebelum abiskaola mengakhiri ucapan penangguhan ini, marilah kita sama-sama menadah tangan memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar raja kita yang kita kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat-kerabat baginda sentiasa dikurnia nikmat lanjut usia, sihat sejahtera, kekal qarar memerintah di atas singgahsana Kerajaan Brunei Darussalam dan jua agar negara kitani, Negara Brunei Darussalam, bumi tercinta ini akan terus menikmati kemerdekaan dalam keadaan aman dan makmur. Amin Amin Ya Rabbal Alamin.

Beras dibawa pengisi ketupat,
Dicampur santan lemak berseri,
Yang Berhormat Yang Di-Pertua bijak memimpin mesyuarat,
Teratur, tenang dan penuh harmoni.

Simpan ketupat di atas meja,
Kalau nak dapat ambil sendiri,
Majlis mesyuarat sudah dipenghujungnya,
Semoga mendapat restu Ilahi.

Di depan rumah tanam rambutan,
Ia berbuah lebat sekali,
Semoga Allah kurniakan panjang umur dan kesihatan,
Insya Allah tahun hadapan kita bermesyuarat lagi.

Sekian. Wabillahir taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba kaola saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan budi bicara yang tinggi dalam mengemudi persidangan ini dengan tertib, berhemah dan dalam suasana yang penuh harmoni. Ucapan terima kasih juga kaola tujukan kepada Jurutulis, Penolong Jurutulis serta semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara ini yang telah diselenggarakan dengan begitu teratur, lancar dan sempurna.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Di dalam persidangan kedua ini, kita dapat melihat beberapa perkembangan positif berkaitan usaha-usaha kerajaan

dalam melaksanakan agenda pembangunan. Walau bagaimanapun, kita memahami bahawa bukanlah mudah untuk merealisasikan semua perancangan tersebut di dalam tempoh masa yang singkat. Apa yang pasti, tanggungjawab kita adalah memberi sokongan padu sama ada melalui sumbangan buah fikiran mahupun bantuan di dalam kapasiti dan tanggungjawab masing-masing.

Di dalam usaha memenuhi aspirasi matlamat strategik dan haluan dasar *Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam khususnya ke arah memperkasa keluarga yang penyayang, kukuh dan berdaya tahan serta membangun masyarakat yang pemedulian, inklusif dan saksama, kaola ingin menarik perhatian bahawa masih terdapat keluarga di dalam masyarakat kita yang hidup dalam kesusahan dan memerlukan perhatian yang sewajarnya.

Isu keluarga yang tinggal dalam keadaan daif tetapi tidak layak menerima bantuan rumah kerana tanah yang diduduki bukan milik sendiri. Walaupun tergolong sebagai fakir atau miskin, kekangan status tanah menjadi halangan utama bak kata pepatah Melayu, berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Sebagai pemimpin di peringkat akar umbi, kaola bersama rakan-rakan tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai permasalahan rakyat yang kian mendesak.

Kaola memahami kepentingan pemilikan tanah dari segi undang-undang namun menyeru agar penyelesaian yang lebih fleksibel dan berperikemanusiaan dilaksanakan. Antara cadangan termasuklah mekanisme khas seperti perjanjian sewaan jangka panjang atau kebenaran menduduki sementara, memperkukuh kerjasama antara agensi berkaitan dan institusi akar umbi serta menggubal dasar jangka panjang supaya bantuan tidak terhalang oleh isu pemilikan tanah khususnya dalam kes warisan atau penempatan turun temurun. Dengan pendekatan inklusif ini, diharap tiada lagi keluarga terus hidup dalam keadaan daif akibat kekangan birokrasi yang boleh ditangani dengan bijaksana.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Dalam memperkatakan keselamatan sosial, kaola ingin menyuarakan kebimbangan terhadap pengaruh dunia digital yang jika tidak dikawal, boleh memberi kesan negatif serius kepada masyarakat khususnya golongan muda dan keluarga. Berdasarkan analisis, situasi semasa *Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam, akses teknologi digital dan internet semakin meluas antara 2012 hingga 2022, pengguna telefon bimbit meningkat 12.5 peratus kepada 528,723 manakala penembusan jalur lebar tetap naik kepada 85.89 peratus. Ini menunjukkan rakyat Brunei semakin terhubung secara digital termasuk kanak-kanak menjadikan pengawasan penggunaan teknologi amat

penting bagi melindungi kesejahteraan mereka.

Kaola ingin menekankan bahawa penggunaan teknologi digital oleh kanak-kanak perlu sentiasa diawasi, peranan ibu bapa amat penting dalam memastikan penggunaannya tidak melebihi sehingga menjejaskan perkembangan minda. Tingkah laku dan emosi kanak-kanak, jika dibiarkan, ia boleh mengganggu hubungan keluarga, melemahkan tumpuan pembelajaran dan menghakis nilai kekeluargaan. Sehubungan itu, kaola mencadangkan agar digubal satu akta khusus bagi menangani pengabaian digital oleh ibu bapa atau penjaga. Akta ini perlu bersifat pencegahan dan pemulihan termasuk menetapkan garis panduan keibubapaan digital menyediakan program bimbingan dan kaunseling serta mewujudkan mekanisme aduan dan pemantauan oleh pihak berwajib. Kaola yakin langkah ini akan membentuk masyarakat yang lebih peduli dan bertanggungjawab selaras dengan matlamat *Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam dalam memperkasa keluarga yang penyayang, kukuh dan berdaya tahan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola ingin menyatakan bahawa Daerah Temburong kini sedang menikmati arus perubahan yang amat ketara hasil daripada pelbagai inisiatif pembangunan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Antara mercu tanda utama kepada transformasi ini ialah pembinaan

dan pembukaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang bukan sahaja menghubungkan Temburong dengan wilayah utama negara, malah turut membuka ruang baharu kepada pembangunan infrastruktur ekonomi dan sosial masyarakat setempat.

Salah satu contoh jelas kepada impak positif ini ialah pembinaan bangunan *BIBD Connects* yang kini menyediakan akses kemudahan perbankan moden kepada penduduk tempatan termasuk perkhidmatan digital dan kewangan Islam yang mesra pelanggan. Ini turut merancakkan aktiviti sosioekonomi memudahkan urusan perniagaan mikro dan PKS serta menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, komuniti di Temburong. Ini merupakan satu bentuk usaha sama secara bersepadu antara pihak kerajaan dengan sektor swasta yang secara langsung melibatkan rakyat sebagai penggerak utama kepada pembangunan sosio-ekonomi Daerah Temburong. Kaola amat yakin bahawa dengan sokongan infrastruktur yang kian lengkap serta kemudahan asas yang bertambah baik, Daerah Temburong berpotensi untuk berkembang sebagai sebuah daerah yang berdaya saing khususnya dalam sektor pelancongan alam semula jadi, pertanian moden dan keusahawanan komuniti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kearah meningkatkan akses kemudahan sosial bagi penduduk di Daerah Temburong penyediaan kemudahan infrastruktur yang moden dan

menyeluruh adalah sangat penting. Usaha ini bukan sahaja memudahkan kehidupan harian rakyat, tetapi juga bertujuan menggalakkan pelabur tempatan dan luar negara untuk melabur di daerah ini.

Dengan adanya kemudahan asas seperti jaringan jalan raya yang baik, sistem bekalan air dan elektrik yang stabil serta kemudahan digital dan perbankan yang canggih, Daerah Temburong akan menjadi lebih kompetitif dan berdaya tarik sebagai destinasi pelaburan baharu. Secara langsung, ini juga akan menyokong inisiatif-inisiatif untuk merencanakan semula aktiviti ekonomi di Pekan Bangar menjadikannya lebih aktif, berdaya saing dan seterusnya memberi limpahan manfaat kepada masyarakat tempatan dari segi peluang pekerjaan, keusahawanan dan pembangunan komuniti.

Akhir kalam, marilah sama-sama kita berdoa dan berharap agar segala kemajuan dan pembangunan yang dirancang dan sedang diusahakan akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berjaya, tanpa mengetepikan nilai-nilai kehidupan beragama yang menjadi teras kepada falsafah negara kita yang tercinta, Melayu Islam Beraja.

Wajid Temburong sedap dan mampan,
Walau harga meningkat naik,
Kitani sokong produk tempatan,
Meskipun mahal kualitinya baik.

Bukit Patoi indah menawan,
Tempat berjumpa mencari ilham,

Jangan disia-sia dan dipandang ringan,
Indah tempatnya anugerah alam.

Anak itik si anak angsa,
Sama sepupu si anak patu,
Kitani bernegara sesama bangsa,
Wawasan 2035 arah dituju.

Bertanam sayur di tanah merah,
Untuk dijual di pasar tani,
Wawasan 2035 kan kitani arah,
Jika bukan kitani, siapa tah lagi.

Sekian Wabillahit taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola, saya hormati sekalian.

Syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita sekali lagi berkesempatan untuk berhujah dan berbahas dalam Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2025.

Sepertimana yang kita sedia maklum, mesyuarat ini merupakan

kesinambungan kepada sesi persidangan sebelumnya dan bertujuan untuk meneliti semua isi-isi yang telah dibangkitkan serta menilai pelaksanaan langkah-langkah strategik oleh pihak kerajaan.

Kaola amat mengharapkan agar tindakan susulan yang sewajarnya dapat diambil demi memastikan segala keputusan yang baik dan berimpak tinggi benar-benar dapat dirasakan dan dinikmati oleh rakyat secara menyeluruh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035, sebagai negara maju, pembangunan perlu seimbang dan selari dengan matlamat tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat inda payah berteriak, bertenang saja Yang Berhormat walaupun waktu sudah agak.. apa namanya ni.. agak akhir tapi bertenang saja. Saya akan sentiasa mendengar.

Yang Berhormat Awang Haji Md.

Salleh bin Haji Othman: Terutama dalam membangunkan modal insan berdaya saing yang mampu menyumbang kepada kemajuan negara. Peluang pekerjaan harus selaras dengan keperluan industri bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif.

Kerjasama antara institusi pendidikan dan sektor swasta adalah kunci melalui

program latihan industri, penajaan biasiswa bidang teknikal dan pembangunan kurikulum bersama yang praktikal dan relevan dengan pasaran serta teknologi semasa.

Walaupun usaha ini sudah dijalankan, keberkesanannya perlu dipantau dan diperbaiki secara berterusan. Oleh itu, satu mekanisme pemantauan sistematik wajar diwujudkan termasuk penubuhan jawatankuasa pemantauan bersama, kajian penyeliaan impak berskala, penglibatan aktif sektor swasta dalam pembangunan kurikulum dan skim insentif untuk syarikat yang menyumbang kepada pembangunan modal insan. Walaupun jawatankuasa di peringkat Sekretariat Wawasan Brunei 2035 telah dibentuk, cadangan kaola ini harap dapat diberi perhatian sebagai sumbangan kaola dalam menyokong pelaksanaan usaha-usaha tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pertanian adalah sektor utama yang menyumbang kepada pengukuhan tahap sara diri negara. Kerajaan telah melaksanakan projek menanam padi berskala besar di kawasan strategik, namun permintaan beras masih memerlukan sokongan *import* untuk memenuhi keperluan domestik. Tanggungjawab menjamin keterjaminan makanan bukanlah hanya pada kerajaan sahaja tetapi juga seluruh rakyat, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam bahawa pembangunan Wawasan Brunei 2035 adalah usaha bersama. Para petani dan peladang digalakkan menanam berbagai jenis padi sebagai sumber pendapatan dan sokongan sara diri.

Kerajaan perlu memperkasakan program galakkan seperti subsidi benih, latihan pertanian moden dan sokongan pemasaran hasil tempatan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dan mengurangkan kebergantungan *import*. Selain dari itu, industri berasaskan makanan harus diperkasakan dengan teknologi pemprosesan moden, sokongan latihan, pembiayaan dan fasiliti yang mencukupi. Penglibatan warga kampung dan belia perlu diutamakan serta usaha meneroka pasaran eksport bagi memajukan produk tempatan ke peringkat serantau dan antarabangsa. Dengan perkara ini, negara dapat memastikan keterjaminan makanan yang mampan dan bersedia menghadapi cabaran global pada masa depan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola amat menghargai semangat anak-anak tempatan terutamanya golongan PMKS yang semakin aktif dalam perniagaan gerai dengan produk bermutu tinggi dan inovatif. Ini membantu merancakkan ekonomi setempat seperti gerai ramadan, gerai perayaan, namun kadar sewa petak jualan yang tinggi menjadi beban kepada

perniagaan mikro dan keusahawanan baru.

Walaupun kos penyediaan kemudahan agak tinggi, kerajaan wajar mempertimbangkan sokongan alternatif bagi meringankan beban mereka. Antara cadangan kaedah alternatif Adalah Pertama, kerjasama awam swasta di mana kerajaan menanggung sebahagian kos kemudahan, manakala swasta mengurus lokasi untuk menurunkan kadar sewa. Kedua, skim bayaran ikut jual. Skim bayaran ikut jualan bagi kadar sewa yang adil mengikut jualan sebenar. Ketiga, skim bayaran sewa berperingkat untuk memudahkan peniaga menguruskan modal mereka; dan Keempat, pendekatan ini akan memberi manfaat seimbang kepada peniaga dan kerajaan, menyokong pertumbuhan ekonomi mikro dan memperkukuh ekonomi negara melalui penyertaan aktif rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Di kesempatan ini, kaola ingin memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat sebarang tingkah laku atau tutur kata daripada kaola atau mungkin mengguris hati siapa. Sesungguhnya niat kaola hanyalah untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan iaitu membawa suara dan isu-isu rakyat yang memerlukan perhatian di Dewan yang mulia ini. Kaola tidak berniat untuk memperkecilkan ataupun mengkritik usaha dan inisiatif pihak kerajaan dalam memastikan kemajuan dan pembangunan Negara

Brunei Darussalam terus berjalan lancar. Sebaliknya kaola amat bersyukur dan menghargai segala usaha dan pihak kerajaan yang sentiasa bersikap berjiwa besar dan komited dalam pelbagai aspek pelaksanaan.

Akhir kata, kaola memohon penuh harapan menyeru agar segala perancangan dan pelaksanaan yang dibuat sentiasa mengambil kira kesejahteraan rakyat serta membawa kesan positif yang memberi manfaat kepada rakyat dan negara demi merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan saya mengalunkan pantun dengan irama Lagu Dua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
(*Ketawa kecil*). Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih.
(*Dengan mengalunkan Pantun berirama lagu*)

Bukit Sawat, Bukit Sawat banyaklah budaya,
Bukit lah Sawat, Bukit lah Sawat banyaklah budaya,
Tempat mula buka, tempatlah buka mula berdagang,
Tempat terbuka, tempat terbuka mula berdagang,

Banyaklah sudah, banyaklah sudah mangsalah buaya,

Banyaklah sudah, banyaklah sudah mangsalah buaya,
Adakah harapan, adakah harapan buat dagangan,
Adakah harapan, adakah harapan buat dagangan,

Buahlah jagung, buahlah jagung, buahlah pisang,
Mari ditanam, mari ditanam di tepi ladang,
Mari ditanam, mari ditanam di tepi ladang,

Banyaklah sudah, banyaklah sudah jarat dipasang,
Banyaklah sudah, banyaklah sudah jaratlah dipasang,
Banyaklah ambuk, banyaklah ambuk masih berkembang,
Banyaklah ambuk, banyaklah ambuk masih berkembang,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya harap itu bukan satu.. apa namanya ni, keistimewaan bagi Dewan kitani. (*ketawa kecil*). Agak unik sedikit. (*ketawa kecil*) Saya telah membenarkan Yang Berhormat menyanyi.

Walau macam manapun, saya tidak ada, apa namanya ni, keinginan untuk menegah betapa gembiranya ia (*ketawa kecil*) kerana kitani sudah mengakhiri mesyuarat dengan jayanya.

Jadi akhir sekali, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Bismillahir Rahmanir Rahim, *(doa dibaca)*. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah, Mesyuarat Kedua dari sesi Mesyuarat Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara ini telah sampai ke penghujungnya. Dalam kesempatan ini, izinkan kaola dengan tulus ikhlas merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas pimpinan dan kewibawaan dalam mempengerusi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini. Dengan penuh kebijaksanaan, kecekapan dan dedikasi sehingga membolehkan persidangan ini berjalan dengan lancar dan jayanya dalam suasana yang penuh harmoni, kondusif dan produktif. Ucapan tahniah dan penghargaan ini juga kaola tujukan kepada Yang Mulia Jurutulis atas kecekapan mengatur agenda perbincangan dan perjalanan persidangan dengan tersusun dan lancar. Dan juga kepada seluruh warga pegawai dan warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara yang terlibat dalam sama-sama menjayakan permesyuaratan pada tahun ini.

Kaola seterusnya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada rakan-rakan sejawat dan juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik kerana telah memainkan peranan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan cemerlang dan komited.

Menyuarakan isu-isu strategik dan mengusulkan cadangan serta pandangan-pandangan yang bernas dari peringkat akar umbi demi kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sambil mengekalkan semangat muhibbah, saling hormat-menghormati dan bermuzakarah dengan harmoni selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara yang lalu. Usul dan cadangan yang telah diajukan dan disumbangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah amat dihargai dan disambut baik dan akan diteliti dan dinilai kesesuaiannya secara terperinci dalam sebarang penggubalan dasar dan perancangan strategi yang akan dilaksanakan mengikut keperluan dan keutamaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Semasa sesi permesyuaratan ini, kaola dapati ada isu yang diutarakan telah ditimbulkan dua ke tiga tahun berturut-

turut secara kebelakangan. Kaola berharap isu-isu tersebut bukan saja untuk nyaman dibentangkan dan di *highlight* di Dewan yang mulia ini, apa yang penting, pihak kaola dengan tulus ikhlas mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, yang berkenaan untuk bermuzakarah bagi membincangkan sebarang spesifik cadangan yang menjurus kepada bidang-bidang perusahaan yang berkaitan dengan sektor pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan di negara ini.

Bagi kemajuan sektor-sektor ini dan bagi memastikan sektor-sektor ini mampu menyumbang secara signifikan pada pertumbuhan ekonomi negara dan juga menjana pekerjaan untuk anak-anak tempatan khususnya kepada pertumbuhan sektor makanan dan pelancongan selaras dengan usaha ke arah mempelbagaikan sumber ekonomi negara agar kita tidak banyak bergantung daripada hasil daripada sektor minyak dan gas semata-mata. Dengan ini, kaola menyokong penuh terhadap Usul Penangguhan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan menghargai usaha berterusan kementerian-kementerian yang terlibat dalam melaksanakan pelan strategik negara ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Sebelum mengakhiri, kaola juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon maaf sekiranya ada tersuruk langkah mahupun kata-kata yang kurang manis sepanjang masa kita dalam sidang ini. Akhirnya, kaola sudahi ucapan penangguhan kaola ini dengan doa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja akan sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat, dilanjutkan usia, mendapat rahmat dan inayah serta dalam kebahagiaan jua.

Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Negara Brunei Darussalam ini dan seluruh rakyat akan sentiasa berada dalam perlindungan-Nya jua dan dikurniakan dengan nikmat kemajuan, pembangunan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berterusan di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola juga berdoa mudah-mudahan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat akan sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat, mendapat rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dikurniakan umur yang panjang dengan izin-Nya jua. Amin Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian. Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah, kita telah selesai mendengar ucapan bagi Usul Penangguhan. Saya kira adalah sesuai sekarang untuk Usul ini kita undi. Ahli-Ahli yang Berhormat yang bersetuju supaya kita meluluskan Usul ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju. Maka Usul ini adalah diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Usul Penangguhan di bawah Peraturan 35 adalah diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, urusan mesyuarat telah selesai. Terima kasih dan setinggi penghargaan diucapkan atas ucapan-ucapan penangguhan yang telah disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini, yang mana titah baginda itu sangat bijaksana, amat teliti dan progresif, khususnya dalam memajukan peranan penting Majlis Mesyuarat Negara dalam sistem pentadbiran awam negara ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan dan yang penuh tulus ikhlas kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas penyertaan sokongan dan kerjasama yang telah diberikan pada musim-musim permesyuaratan tahun ini. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan khusus kepada Yang Mulia Jurutulis, Pemangku Timbalan dan Penolong Jurutulis, Bentara-Bentara Dewan serta semua pegawai dan kakitangan yang terlibat, termasuk mereka yang ditugaskan daripada kementerian, jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan atas usaha gigih dan komitmen tinggi yang dicurahkan dalam menyediakan pelbagai keperluan yang membolehkan kita menyelesaikan segala urusan mesyuarat dengan lancar dan teratur.
Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah, Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan ke-21 Majlis Mesyuarat Negara telah selesai kita laksanakan dengan selamat dan sempurna selama lima hari dan secara keseluruhannya sembilan belas hari pada tahun ini.

Berkat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ini adalah kali pertama Majlis Mesyuarat Negara menjalankan Mesyuarat Kedua dan dalam mesyuarat ini kita telah berjaya menyelesaikan beberapa perkara utama termasuk empat perbahasan usul, seratus sembilan puluh enam pertanyaan kepada menteri-menteri dan satu kenyataan menteri. Dengan berkat kerjasama dan sokongan semua pihak, mesyuarat ini telah berlangsung dalam suasana yang penuh harmoni, muhibah dan saling hormat-menghormati selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Mesyuarat Kedua ini telah membuktikan bahawa Majlis ini berpotensi untuk memainkan peranan yang signifikan dalam membincangkan perkara-perkara substantif demi kepentingan rakyat dan negara. Saya begitu tertarik dengan apa yang telah dibincangkan sewaktu sesi Majlis Mesyuarat Negara ini. Nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat berkeupayaan untuk terlibat dalam membincangkan yang lebih substantif.

Saya nampak bahawa Ahli-Ahli Yang Dilantik berusaha untuk memainkan peranan dalam semak imbang termasuk membantu kerajaan melalui cadangan-cadangan bagi perkara-perkara yang mungkin kurang diberi perhatian atau mungkin juga terlepas pandang. Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan juga berusaha untuk memperjelaskan perancangan dan memberikan beberapa perkongsian

status termasuk masalah-masalah dan isu-isu yang dihadapi. Usaha Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam memainkan peranan bersama ini adalah penting dan sememangnya wajar kita galas untuk memastikan semua pihak bergerak seiring dalam menyokong agenda pembangunan negara termasuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya rasakan perbincangan di dalam Dewan yang mulia kali ini adalah lebih *vibrant*. Dalam Dewan ini, kita mungkin berlainan pendapat tapi saya ingin untuk menghayati konsep *agree to disagree* tetapi masih lagi dengan saling menghormati pandangan yang berbeza. Saya suka melihat bahawa walaupun ada perbezaan pandangan dan pendapat, kita masih boleh duduk berbincang secara terbuka dan matang berteraskan maklumat yang jelas, tersusun dan berasas. Saya ingin menyarankan kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bahawa setiap hujah yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini adalah perlu berlandaskan kepada fakta dan data yang sahih dan *credible* bukannya andaian semata-mata. Ini hanya dengan berhujah berdasarkan fakta kita dapat memastikan sesi perbahasan berjalan dengan penuh profesionalisme dan adab sebagai *intellectual exchange*.

Di samping itu, saya amat menghargai bahawa pelbagai usaha telah pun dijalankan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam mendekatkan diri kepada rakyat.

Oleh itu, saya ingin menyarankan agar usaha-usaha ini terus diperkasa dan dipertingkatkan khususnya melalui pelbagai bentuk dialog, perbincangan serta program jangkauan, *outreach*, yang menyentuh dan berterusan. Saya kira inilah antara pendekatan terbaik untuk mendapatkan pandangan serta maklum balas mengenai isu-isu semasa dan pelaksanaan dasar kerajaan kerana secara langsung daripada rakyat. Saya penuh berharap bahawa melalui usaha-usaha demikian, Dewan yang mulia ini akan terus membincangkan perkara-perkara yang dekat di hati rakyat.

Saya menyeru agar Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk senantiasa bersatu sebagai wadah suara nurani rakyat, berganding bahu dan berganding tenaga dengan iltizam yang tinggi untuk memelihara kesatuan dan perpaduan sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam demi mengekalkan keamanan, kestabilan dan kedamaian negara yang kita sama-sama cintai ini.

Sebagai Yang Di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberikan peringatan kepada Ahli-Ahli dan semua yang hadir, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam kenyataannya mengingatkan kita semua bahawa kesihatan adalah kekayaan atau *health is wealth*. Ini adalah benar kerana kekuatan sebenar dalam kehidupan ini hanya dapat dirasakan apabila kita dikurniakan dengan tubuh badan yang sihat. Oleh itu, marilah kita semua membudayakan amalan hidup sihat dengan mengamalkan permakanan

seimbang, melakukan aktiviti fizikal secara konsisten serta menjaga kesihatan mental demi memperkukuhkan daya ketahanan diri. Ugama kita juga menyeru umatnya agar senantiasa menjaga kesihatan tubuh badan serta mengamalkan gaya hidup yang sihat dan kehidupan yang sihat bersih merupakan satu amanah yang perlu dipelihara dalam hubungan kita sebagai hamba dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, jagalah diri baik-baik dan semoga semua, kita semua senantiasa sihat walafiat selalu.

Akhir sekali, saya memanjatkan doa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja akan senantiasa sihat walafiat dan dibawah perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua dan semoga negara kita serta seluruh rakyatnya akan senantiasa berada dibawah perlindungan-Nya dengan dikurniakan nikmat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berterusan Amin Ya Rabbal Alamin.

Dengan ucapan ini, saya mengikut Peruntukan 35 daripada Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Majlis Mesyuarat Negara, maka mesyuarat kali ini kita tangguhkan ke satu masa yang belum ditetapkan tarikhnya. Insya Allah, sekiranya ada umur panjang dan Allah mengurniakan kita kesihatan yang sempurna, kita akan berjumpa lagi.

Sekian Wabilahitaufik Walhidayah.
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)